

BAB SATU

*FATWA DAN SEJARAH RENGKAS
PERKEMBANGANNYA*

BAB SATU

FATWA DAN SEJARAH RENGKAS PERKEMBANGANNYA

1.0 Definisi Fatwa

Perkataan fatwa adalah berasal dari perkataan Arab *al-fatā'* dan ia disebut juga sebagai *al-futyā'* atau *al-futwā'* yang bermaksud penjelasan tentang ketentuan hukum syarak terhadap perkara-perkara yang menjadi keraguan.¹

Perkataan fatwa adalah kata nama yang menempati *al-ifṭā'*.² Maksud *Al-ifṭā'* ialah memberi penerangan tentang hukum Allah s.w.t berdasarkan dalil-dalil syarak secara umum dan menyeluruh.³ Menurut al-Jawhari, perkataan fatwa adalah kata nama dari perkataan *afṭā - yuḍṭi* yang bermaksud penjelasan.⁴ Sebutan *al-fatwā* (الْفَتْوَى) dengan baris atas huruf *fā'* adalah mengikut sebutan orang-orang Madinah.⁵

Dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang memberi gambaran tentang pengertian fatwa. Antaranya firman Allah s.w.t:

وَيَسْأَلُونَكَ فِي أَنْتَ آتَيْتَ قُلْ لَّهُمَّ يَعْلَمُ بِمَا فِي هُنَّ

Tafsirnya: "Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka".

بَلْ يَقُولُونَ كُلُّ الَّهُ يُفْتِنُكُمْ فِي الْكَلَالَةِ ٧

Tafsirnya: “Mereka (orang-orang Islam) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad, mengenai masalah *kalālah*). Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara *kalālah* itu”.

**بَأَيْهَا آلَّهَلَا أَفْتُونِي فِي دُعَائِي إِنْ كُنْتُ مُّبَرِّئاً
لِلرُّؤْسَيَاتِ عَبْرُونَ ٨**

Tafsirnya: “Wahai ketua-ketua kaum, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang-orang yang pandai menta ‘birkan mimpi”.

**فَأَلْتُ يَأْيُهَا آلَّهَلَا أَفْتُونِي فِي أَمْرِي مَا كُنْتُ قَاطِعَةً
أَمْرِاً حَتَّى تَشْهَدُونَ ٩**

Tafsirnya: “Telah berkata (raja perempuan itu): “Wahai ketua-ketua kaum, berilah penjelasan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini; aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujui”.

Dari pengertian-pengertian yang disebutkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa fatwa itu ialah penjelasan terhadap sesuatu perkara yang menjadi kemosyikilan. Manakala orang yang memberi penjelasan tersebut mestilah mempunyai kepakaran mengenainya sesuai dengan firman Allah s.w.t:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ١٠

Tafsirnya: “Maka bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”

Namun apa yang difokuskan dari maksud fatwa dalam disertasi ini ialah penjelasan mengenai ketentuan hukum syarak. Maka dalam mentakrifkan fatwa, penulis

lebih cenderung untuk memilih pendapat Drh. Nādiyah Syarif al-'Umari yang menyimpulkan bahawa fatwa itu ialah ketentuan hukum yang dijelaskan oleh mufti dalam menjawab sesuatu permasalahan atau penjelasan mengenai sesuatu hukum walaupun tidak ada pertanyaan khas mengenainya.¹¹

1.1 Fatwa Di Zaman Rasulullah s.a.w

Sebelum Nabi Muhammad s.a.w diutus menjadi rasul, kehidupan orang-orang Arab zaman jahiliah penuh dengan perbuatan syirik dan kezaliman. Mereka hidup dengan menyembah berhala-berhala. Kejadian jenayah amat sukar dibendung. Minum arak, membunuh, zina, judi dan sebagainya adalah amalan biasa dalam kehidupan mereka.

Maka untuk membetulkan cara hidup sedemikian, Allah s.w.t telah mengutus Rasulullah s.a.w dengan membawa ajaran agama Islam seperti mana rasul-rasul yang diutus kepada umat yang terdahulu. Firman Allah s.w.t:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِّرًا وَنَذِيرًا وَإِنْ مَنْ مُّنْ أَمْتَهِ إِلَّا خَلَأَ فِيهَا نَذِيرٌ^⑫

Tafsirnya: "Sesungguhnya kami mengutuskan engkau dengan (agama) yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dan tidak ada sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran."

Tugas utama baginda Rasulullah s.a.w ialah menyampaikan ketentuan hukum-hukum daripada Allah s.w.t. FirmanNya:

بَلَّغَهُ الرَّسُولُ بَلَّغَ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رِّبَكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا
بَلَّغَتْ رِسَالَتِهِ¹³

Tafsirnya: "Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya."

Ayat di atas jelas menggambarkan bahawa pengutusan Rasulullah s.a.w kepada umat manusia di muka bumi ini ialah untuk menyampaikan ajaran agama Islam iaitu satu-satunya agama yang diiktiraf disisi Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t:

وَمَنْ يَتَّبِعْ عَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَمَوْرِقُهُ فِي الْأَخْرَاجِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ⑯¹⁴

Tafsirnya: "Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."

Dalam menjalankan tugas sebagai rasul, Rasulullah s.a.w bertanggungjawab menyeru umat manusia dengan memberikan panduan-panduan dan memperjelaskan ketentuan hukum daripada Allah s.w.t. Ketentuan hukum-hukum berkenaan disampaikan melalui tiga bentuk penjelasan iaitu:

- i. Penjelasan hukum melalui al-Qur'an.
- ii. Penjelasan hukum melalui penerangan Rasulullah s.a.w terhadap al-Qur'an.

iii. Penjelasan hukum melalui Ijtihad.

1.1.1 Penjelasan Hukum Melalui Al-Qur'an

Al-Qur'an adalah sumber utama kepada baginda Rasulullah s.a.w dalam memperjelaskan ketentuan hukum Allah. Ia merupakan panduan yang terunggul dan penuh hikmah dalam menghuraikan segala permasalahan yang dihadapi oleh umat manusia. Firman Allah s.w.t:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى
لِلْمُسْلِمِينَ ⑯¹⁵

Tafsirnya: "Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah pertunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam. "

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ أَكْذَابَ رَبِيعَيْنَ لِلنَّاسِ مَا نُرِّزُ إِلَيْهِمْ¹⁶

Tafsirnya: "Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka."

Al-Qur'an diturunkan kepada Rasulullah s.a.w secara beransur-ansur selama kira-kira dua puluh tiga tahun mengikut kejadian dan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam. Hakikat ini dijelaskan dalam firman Allah s.w.t:

وَقُرْمَانْتَ فَرْقَنَةً لِسَقْرَأُ عَلَى الْنَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَكَرَنَةً تَسْرِيَةً ⑯

Tafsirnya: "Dan al-Qur'an itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan lambat tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur".

Al-Qur'an diturunkan dengan beransur-ansur untuk memudahkan orang Islam mengingati dan memahami hukum-hukum yang telah dijelaskan. Lebih-lebih lagi dalam keadaan mereka yang belum pandai membaca dan menulis. Semuanya bergantung kepada ingatan dan hafalan. Dengan demikian mereka mudah menerima dan menyesuaikan diri dalam mempraktikkan hukum-hukum yang disampaikan.¹⁸

Ayat-ayat yang diturunkan kepada baginda ketika berada di Makkah lebih menjurus kepada hal ehwal yang berkaitan dengan pembentukan akidah Islam. Manakala setelah baginda berhijrah ka Madinah dan kedudukan akidah orang-orang Islam agak kukuh, ayat-ayat yang diturunkan lebih menumpukan aspek pembentukan mesyarakat. Seterusnya menekankan hal-hal yang berkaitan dengan fatwa dan kehakiman.¹⁹

Antara contoh ketentuan hukum yang diturunkan melalui al-Qur'an sebagai menjawab permasalahan yang dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w ialah firman Allah s.w.t:

يَسْأَلُوكُمْ عَنِ الْحَمْرَ وَالْمَمِيرِ قُلْ فِيهِمَا إِنْمَ كَبِيرٌ وَمَنْدِيقُ لِلنَّاسِ وَإِنْ مُهْمَأْ
أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ⑳

Tafsirnya: "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya".

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t berfirman:

وَسَنِلُوكَ عَنِ الْمَحِيطِ قُلْ هُوَ أَذَى فَاعْتَزِلُوا أَكْرَمَ رَبِّهِمْ وَلَا
تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرُونَ فَإِذَا تَطَهَّرُوا فَأْتُوهُمْ مِنْ حَمْنَ أَمْرِكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يَحْبِبُ
الْكَوَافِرَ وَيَحْبِبُ الْمُتَطَهِّرِينَ ②1

Tafsirnya: "Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu adalah satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauahkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. SesungguhNya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri."

Kedua ayat di atas adalah memberi penjelasan hukum tentang arak, judi dan perempuan yang kedatangan haid. Ayat-ayat yang dikategorikan sebagai penjelasan hukum juga dapat kita ketahui dari sebab-sebab turunnya ayat berkenaan. Contohnya ketika seorang utusan Rasulullah s.a.w, Abu Marṣad al-Ghanawī, memohon untuk mengahwini seorang perempuan yang musyrik. Sebagai jawapan Rasulullah s.a.w kepadanya Allah s.w.t telah menurunkan ayat al-Qur'an dengan FirmanNya:

وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَا مِنْ مُؤْمِنَةٍ خَيْرٌ مِنْ مُشْرِكَةٍ وَلَا أَعْجَبُكُمْ
وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَا بُدُّ مُؤْمِنٍ خَيْرٌ مِنْ مُشْرِكٍ وَلَا أَعْجَبُكُمْ

أَوْلَئِكَ يَدْعُونَ إِلَى الْنَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمُفْرِقُ بَيْنَهُمْ وَيُمْسِكُ
بَيْنَ أَيْمَانِ الْمُنَّاسِ لَمَّا هُمْ يَنْذَرُونَ ②²²

Tafsirnya: “Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik perhatian kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya)”.

1.1.2 Penjelasan Hukum Melalui Penerangan Rasulullah s.a.w terhadap al-Qur'an

Ayat-ayat hukum yang diturunkan kadang-kadang memerlukan penerangan lanjut daripada Rasulullah s.a.w kerana ayat-ayat tersebut diturunkan secara umum sahaja. Contohnya penjelasan lanjut baginda mengenai kewajipan mendirikan sembahyang. Kewajipan mendirikan sembahyang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an. Antara firmanNya ialah:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِلْكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسِيقِ الظَّلَلِ وَقُوْمَانَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْبَانَ الْفَجْرِ كَانَ
مَشْهُودًا ②³³

Tafsirnya: “Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) sembahyang subuh; sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaaninya)”.

Beberapa perkara yang berkaitan dengan cara sembahyang juga telah diterangkan. Antaranya mengandungi *ruku'*, sujud dan berdiri. Firman Allah:

بَّلَّأَنَّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَرْكَمُوا وَأَسْجَدُوا²⁴

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, *ruku'lah* serta *sujudlah* (mengerjakan sembahyang)".

وَقُومُوا لِلَّهِ فَرِيزِينَ ◎²⁵

Tafsirnya: "Dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk".

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t telah menjelaskan bahawa mendirikan sembahyang mestilah bersih daripada hadas. FirmanNya:

بَلَّأَنَّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا إِذَا قَمَمْتُمْ إِلَى الْكَصْلَوَةِ فَاعْسِلُوا وَجْهَكُمْ وَأَنْدِيكُمْ إِلَى السَّمَوَاتِي
وَأَمْسَحُوا بِرُوْعَوْسِكُمْ وَأَرْجَلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطْهُرُوا²⁶

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwudhu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua kakimu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib".

Walaupun perkara-perkara di atas telah diterangkan, tetapi masih terdapat kesamaran dikalangan umat Islam tentang cara sebenar untuk mendirikan sembahyang dalam bentuk praktikal. Termasuk cara *ruku'*, cara sujud, bilangan rakaat sembahyang dan lain-lain. Semuanya menghendaki penerangan yang lebih terperinci. Sebagai penjelasan lengkap mengenainya, Rasulullah s.a.w bersabda:

صَلَّوَ كَمَا رَأَيْتُ مُونِي أَصَلَّى²⁷

Maksudnya: "Dan sembahyanglah kamu seperti mana kamu lihat aku sembahyang".

Dengan adanya penjelasan lanjut dan tunjuk ajar daripada Rasulullah s.a.w tentang cara sebenar mendirikan sembahyang maka dapatlah sembahyang itu ditunaikan oleh orang-orang Islam dengan sempurna hingga ke hari ini dan seterusnya hingga hari kiamat.

1.1.3 Penjelasan Hukum melalui Ijtihad

Para ulama berselisih pendapat tentang Rasulullah s.a.w berijtihad dalam menentukan sesuatu hukum. Jumhur ulama Usul, termasuk Ibn al-Hājib, al-Amīdī dan para ulama mazhab Hanafi dan Hanbali mengatakan harus bagi baginda berijtihad. Pendapat ini mendapat sokongan dari para ulama Syafi'i seperti Fakhr al-Rāzī dan al-Baydawī.²⁸ Manakala Ibn al-Hazm dan majoriti ulama Mu'tazilah menolak keharusan ijtihad bagi Rasulullah s.a.w. Golongan Jabā'iyīn, sebahagiannya menolak keharusan berijtihad itu dan sebahagian lagi mengharuskannya tetapi hanya terhad kepada perkara yang berhubung dengan peperangan.²⁹

Antara hukum-hukum yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w melalui ijtiad ialah:

- i. Ibn 'Umar telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menentukan kedudukan zakat fitrah dengan katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَسْمِيرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعْبَرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْجَرِحِ وَالذَّكَرِ وَالْأَنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَامْرَأَ بِهَا أَنْ تُؤْدِي فَبِلْ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ³⁰

Maksudnya: "Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah, iaitu satu gantang daripada kurma kering (tamar) atau satu gantang daripada gandum, keatas orang Islam samada hamba abdi, merdeka, lelaki, perempuan, kecil atau besar; dan Baginda memerintahkan agar zakat fitrah itu dikeluarkan sebelum orang ramai keluar untuk sembahyang (Hari Raya)."

- ii. Ibn 'Abbas telah meriwayatkan dalam sebuah hadis mengenai dengan hutang puasa, katanya:

أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ : إِنِّي أُمِّي مَائَةً وَعَلَيْهَا صُومُ شَهْرٍ فَقَالَ : أَزَانَتْ لَوْ كَانَ عَلَيْهَا دِينٌ أَكْتُبْ تَقْضِيهَ؟ فَأَتَتْ : نَعَمْ . قَالَ : فَدَيْتُ اللَّهَ أَحَقَّ بِالْقَضَاءِ.³¹

Maksudnya: "Bahawa seorang wanita telah datang menghadap Rasulullah s.a.w lalu berkata: "Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan atasnya masih menanggung (kewajipan) puasa bulan (Ramadhan)", Baginda bersabda: "Adakah engkau tahu sekiranya dia berhutang, bukankah engkau yang patut menjelaskannya?" Dia berkata: Ya! Baginda bersabda: "Maka hutang kepada Allah itu adalah lebih berhak untuk ditunaikan."

Penjelasan hukum melalui ijtihad ini pada zahirnya seolah-olah ketentuan tersebut datang dari diri Rasulullah s.a.w. Ini menyebabkan timbulnya sangkaan bahawa baginda tidak terlepas dari mengikut kehendak hawa nafsu baginda sendiri. Walau bagaimanapun sangkaan sedemikian jelas meleset dari hal yang sebenarnya kerana

baginda sentiasa mendapat perhatian dan pengawasan daripada Allah s.w.t. Contohnya keputusan Rasulullah s.a.w terhadap tawanan perang Badr.

Setelah Rasulullah s.a.w dan orang-orang Islam yang dipimpinnya berjaya mencapai kemenangan dalam peperangan Badr, tawanan-tawanan telah dihadapkan kepada baginda untuk diambil tindakan. Ketika hendak membuat ketentuan hukum mengenainya tidak ada ayat al-Qur'an yang turun menjelaskan permasalahan tersebut. Untuk mencari jalan penyelesaian, baginda berijihad dengan mendapatkan pandangan para sahabat. Dalam membincangkan perkara tersebut, sayidina Abu Bakar r.a mengesyorkan supaya diambil tebusan dari mereka tanpa dibunuh dengan harapan mereka akan mendapat hidayah dan lembut hati untuk memeluk agama Islam. Manakala pandangan Sayidina 'Umar r.a agak keras iaitu tawanan tersebut hendaklah dibunuh kerana perbuatan kejam mereka terhadap Rasulullah s.a.w dan orang Islam. Setelah mendengar pendapat-pendapat tersebut, akhirnya baginda memilih pendapat Sayidina Abu Bakar r.a dan menolak pendapat yang disyorkan oleh sayidina 'Umar r.a kerana mengambil kira pendapat sayidina Abu Bakar itu lebih berperi kemanusiaan.³²

Ternyata hukum yang diputuskan oleh Rasulullah s.a.w itu tidak direstui oleh Allah s.w.t dan mendapat teguran serta pembetulan mengenainya. Allah s.w.t berfirman:

مَا كَانَ لِنِّي أَنْ يَكُونَ لِلْمَوْسُرِي حَتَّىٰ يُنْعَنَ فِي الْأَرْضِ تُرِيدُنَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ
الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ③³³

Tafsirnya: "Tidaklah patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang-orang tawanan sebelum dia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda dunia, sedang Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

Dengan turunnya ayat ini, terbatallah hukum yang diputuskan melalui ijтиhad baginda. Lalu baginda mengubah keputusannya seperti mana kehendak ayat di atas. Di sebalik kesilapan yang berlaku dalam ijтиhad baginda itu tersembunyi hikmah yang lebih besar iaitu amaran dan pengajaran kepada umat Islam agar tidak segera menganggap salah dalam berijтиhad itu suatu keaiban para ulama serta memperbesar-besarkan kesilapan tersebut. Jika kesilapan dalam berijтиhad itu dianggap sebagai satu keaiban besar dan dijadikan bahan sebaran, ia akan menjadi ancaman terhadap para mujahidin dan menyebabkan mereka meninggalkan ijтиhad. Keadaan tersebut akhirnya membawa kepada pupusnya kerja-kerja ijтиhad sedangkan ijтиhad itu adalah salah satu jalan penyelesaian yang mampu menjaga kemaslahatan syari'at terhadap umat manusia.³⁴

Merujuk kepada kejadian di atas, terdapat dua perkara penting yang perlu kita ambil perhatian.

Pertama: Kejadian ini membuktikan bahawa segala keputusan yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w itu sentiasa mendapat perhatian dan pedoman daripada Allah s.w.t. Keputusan baginda akan direstui jika menepati kehendak syariat Allah s.w.t. Jika ada kesilapan ia tetap

akan diperbetulkan. Hal ini menambahkan lagi keyakinan kita tentang kebenaran ajaran Islam yang baginda sampaikan.

Menurut Ibn Qayyim, fatwa-fatwa baginda Rasulullah s.a.w itu adalah menjadi hujjah dan kata pemutus dalam menentukan sesuatu hukum. Fatwa-fatwa baginda wajib diikuti dan manjadi sumber hukum selepas al-Qur'an yang tidak boleh ditolak oleh mana-mana orang Islam.³⁵

Kedua: ijтиhad adalah merupakan salah satu cara untuk mengetahui dan menentukan hukum syarak terhadap perkara-perkara yang tidak ada penjelasan hukumnya melalui nas.

1.1.4 Pengiktirafan Rasulullah s.a.w Terhadap Ijtihad

Selain daripada baginda Rasulullah s.a.w sendiri melakukan ijтиhad, para sahabat juga menggunakan kaedah tersebut dalam menentukan sesuatu hukum yang belum dijelaskan oleh nas al-Qur'an dan Sunnah. Tetapi hukum yang mereka ijтиhadkan perlu dirujukkan kepada baginda untuk memastikan kesahihannya. Contohnya:

- i. Imam Abu Dawud dan al-Tirmidhi telah meriwayatkan dari Mu'ādh bin Jabal ketika dia hendak dihantar oleh Rasulullah s.a.w untuk menjadi

Gabenor Yaman, baginda sempat menguji pendirian Mu'ādh dalam menjelaskan ketentuan hukum syarak. Baginda bertanya: "Dengan apakah engkau memutuskan jika dihadapkan kepadamu sesuatu pemasalahan?" Mu'ādh menjawab: "Dengan Kitab Allah". Sabda baginda: "Jika engkau tidak memperolehinya?" Mu'ādh menjawab: "Dengan Sunnah Rasulullah." Sabda baginda: "Jika engkau tidak memperolehinya?". Mu'ādh menjawab: "Aku berijtihad dengan pendapatku dan aku tidak akan berlebihan." Rasulullah s.a.w pun menepuk-nepuk dada Muādh sambil bersabda: "Segala puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada utusan Rasulullah kearah yang diredhai oleh Allah dan RasulNya." ³⁶

- ii. Ketika peperangan Salāsil ‘Amr bin al-‘Aṣ telah berhadas besar (janābah). Untuk mandi hadas dalam keadaan cuaca yang terlalu sejuk tentunya akan memudarangkan dirinya. Maka, dia bertayammum sebagai ganti kepada mandi janābah. Kemudian dia sembahyang subuh bersama rakan-rakannya. Kejadian ini telah pun diceritakannya kepada mereka. Apabila Rasulullah s.a.w datang kepada mereka, rakan-rakannya menceritakan kepada baginda tentang apa yang dilakukan oleh ‘Amr bin al-‘Aṣ. Lalu baginda bersabda: "Wahai ‘Amr, engkau sembahyang bersama rakan-rakanmu sedang engkau dalam keadaan berhadas (janābah). ‘Amr menjawab: "Aku ingat kepada firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ③³⁷

Tafsirnya: “Janganlah kamu membunuh diri kamu, sesungguhnya Allah sentiasa mengasihi kamu”.

Lalu aku pun bertayammum dan sembahyang. Mendengar penjelasan tersebut baginda tersenyum dan tidak berkata apa-apa. Maka legalah perasaan ‘Amr dan rakan-rakannya tentang kejadian itu.³⁸

Kedua-dua contoh di atas jelas menggambarkan pengiktirafan Rasulullah s.a.w terhadap ijтиhad. Sebagai jaminan bahawa ijтиhad itu bukan kerja yang sia-sia, Imam al-Bukhari telah meriwayatkan sebuah hadis daripada ‘Amr bin al-‘As, sabda Rasulullah s.a.w:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ
39

Maksudnya: “Jika seorang hakim itu hendak membuat keputusan, maka dia berijтиhad, lalu menepati (hukum sebenarnya), maka baginya dua ganjaran pahala. Manakala jika dia hendak membuat keputusan lalu berijтиhad, kemudian dia tersilap (tidak menepati hukum sebenar), maka baginya satu ganjaran pahala”.

Keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa penjelasan hukum di zaman Rasulullah s.a.w itu sepenuhnya tertumpu kepada baginda. Penjelasan baginda itu semuanya berpandu kepada wahyu daripada Allah s.w.t walaupun nampak pada zahirnya hukum tersebut datang daripada ijтиhad Rasulullah s.a.w .

Wahyu bererti sesuatu (keputusan) yang dikurniakan oleh Allah kedalam hati nabi-nabi, samada dengan perantaraan malaikat atau tanpa perantaraan malaikat.⁴⁰

Rasulullah s.a.w tidak akan memutuskan sesuatu hukum itu mengikut hawa nafsu baginda sendiri. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

وَمَا يَنْسِطُ عَنِ الْكَهْوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ مُّوحَىٰ ۚ⁴¹

Tafsirnya: "Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahanan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".

FirmanNya lagi:

إِنْ حُكْمُ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرْسَلَ اللَّهُ⁴²

Tafsirnya: "Supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyunya)".

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jābir bin Abdullah lebih jelas menggambarkan keadaan tersebut. Ketika Rasulullah s.a.w bersama sayidina Abu Bakar r.a menziarahi Jābir bin Abdullah yang sedang sakit, beliau sempat bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang bagaimana semestinya beliau menguruskan hartanya sebelum dia meninggal dunia. Rasulullah s.a.w tidak terus menjawab soalan tersebut, bahkan baginda berdiam diri menunggu turunnya wahyu yang menjelaskan perkara berkenaan. Jābir telah menceritakan hal di atas dengan katanya:

فَكَأَجَابَنِي بِشَيْءٍ حَتَّى نَزَّلَتْ آيَةُ الْمِيراثِ⁴³

Maksudnya: "Maka Baginda tidak memberi apa-apa jawapan kepadaku sehingga turun ayat (yang menerangkan) tentang pesaka."

Zaman Rasulullah s.a.w adalah zaman penentuan syari'at Islam. Syari'at Islam itu hanya datang daripada Allah s.w.t. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

لَمْ يَجِدْنَاكُمْ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنْ أَنْ命ِرٍ فَاتَّبَعُوهَا وَلَا تَنْهِي عَمَّا وَأَءَاءَ
الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ④⁴⁴

Tafsirnya: "Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utusan engkau) menjalankan satu syari'at itu, maka ikutilah dia dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)."

Adapun peranan Rasulullah s.a.w ialah sebagai penyampai sahaja. Segala ajaran yang disampaikan oleh baginda Rasulullah s.a.w adalah menjadi kewajipan keatas orang Islam menerima dan mematuhinya. Firman Allah s.w.t:

وَمَا أَنْتُمْ بِكُمْ أَكْرَسُولَ فَحْشَوْهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَإِنَّهُمْ هُوَا⁴⁵

Tafsirnya: "Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya".

1.2 Fatwa Di Zaman al-Khulafā' al-Rāsyidin

Pertambahan umat Islam di zaman pemerintahan al-khulafā' al-Rāsyidin menambahkan lagi permasalahan dan kemosykilan yang menghendaki ketentuan hukum syarak. Ketentuan hukum-hukum berkenaan sangat penting kerana umat Islam

yang ada ketika itu mengamalkan berbagai adat dan kebudayaan yang berbeza antara satu sama lain.

Dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi, para sahabat terlebih dahulu merujukkan permasalahan berkenaan kepada al-Qur'an. Jika ketentuan hukumnya tidak diperolehi melalui al-Qur'an, ia akan dirujukkan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. Metodologi penentuan hukum sedemikian telah pun ditentukan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

فَإِنْ تَنزَعُ عَمَّا فِي شَيْءٍ فَرُدُّهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالرَّسُولِ
الْأَكْبَرُ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْرِيلًا ⑥

Tafsirnya: “Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya- jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Rasulullah s.a.w juga telah menunjukkan cara tersebut kepada mereka dengan sabdanya:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضْلُّوا مَا مَسَكْتُمْ بِهِمَا إِنَّابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّنَا ⑦

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat dengan berpegang kepada keduanya iaitu Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnah nabiNya.”

Hukum-hukum yang telah sabit menurut al-Quran dan Sunnah adalah hukum yang pasti (*qat'i*) dikalangan para sahabat. Ia wajib diikut dan dipatuhi oleh semua

orang. Jika permasalahan itu tidak diperolehi hukumnya melalui al-Qur'an atau Sunnah, para sahabat akan memutuskannya dengan cara berijtihad.

1.2.1 Fatwa Sahabat Yang Dirujukkan Kepada Al-Qur'an

Permasalahan-permasalahan yang hukumnya telah diterangkan dalam al-Qur'an mudah diselesaikan dengan segera kerana kebanyakan para sahabat telah menghafaz al-Qur'an. Apa yang menimbulkan kesukaran dikalangan para sahabat dalam merujuk al-Qur'an ialah membuat keputusan hukum terhadap ayat yang samar-samar (*Mutasyābiḥāt*).

Ketika hidup Rasulullah s.a.w, para sahabat berpeluang merujukkan mana-mana ayat yang kurang jelas maksud hukumnya kepada baginda kerana baginda mengetahui rahsia dan hikmah hukum-hukum yang terkandung dalam ayat-ayat berkenaan. Firman Allah s.w.t:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ مَا يَعِيشُ مُحَمَّدٌ تُمَكِّنُ مِنْ أَمْرِ الْجَنَّاتِ وَأَخْرِ
مَقْتَلِهِ هُوَ أَنْتَ فَإِنَّمَا الظَّنِّ فِي قُلُوبِهِمْ رَبِيعٌ فَيَرَوُنَ مَا تَعَاهَدُوا وَنَهَىٰ
أَنْفُسَهُمْ وَكَبِيرَةٌ تَأْوِيلُهُ 48

Tafsirnya: "Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Qur'an. Sebahagian besar dari al-Qur'an itu ialah ayat-ayat Muhkamāt (yang tetap, tegas, dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamāt itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Qur'an. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat *Mutasyabihāt* (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing)-adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan kearah

kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Qur'an untuk mencari fitnah dan mencari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). "

Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w, para sahabat mengeluarkan hukum yang terkandung dalam ayat-ayat yang samar itu menurut apa yang mereka fahami. Keadaan ini menimbulkan perbezaan keputusan hukum di kalangan para sahabat. Berikut dibawakan beberapa contoh mengenainya.

- i- Perbezaan fatwa mengenai 'iddah perempuan hamil yang kematian suami.

Para sahabat berbeza pendapat dalam memahami maksud dua ayat berikut yang menerangkan 'iddah isteri mengandung dan 'iddah isteri kematian suami. Firman Allah s.w.t:

وَأُولَئِكُمْ أَنَّهُمْ حَمِيلُ أَجَلٍ هُنَّ أَن يَضْعَفُنَ حَمِيلُ هُنَّ⁴⁹

Tafsirnya: "Dan perempuan-perempuan yang mengandung, tempoh 'iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak kandungannya."

وَالَّذِينَ يَسْوَقُونَ مِنْكُمْ زَيْنَدُرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصُنَ يَا نَفِيرًا هُنَّ
أَرْبَعَةُ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا⁵⁰

Tafsirnya: "Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari."

Dalam masalah ini sayidina ‘Umar r.a memutuskan bahawa ‘iddahnya ialah melahirkan anak. Sayidina ‘Umar menjadikan ayat talak sebagai hukum permasalahan di atas.

Manakala sayidina Ali k.w memfatwakan bahawa ‘iddahnya ialah tempoh yang lebih panjang antara keduanya. Beliau mencantumkan maksud kedua-dua ayat di atas. Dalam sebuah hadis menceritakan bahawa Sabī‘ah binti al-Hārith al-Aslamiyyah telah melahirkan anak setelah dua puluh lima hari suaminya meninggal dunia. Maka Rasulullah s.a.w telah memfatwakan bahawa ‘iddahnya telah habis. Namun Sayidina Ali k.w tidak menerima hadis tersebut kerana tidak memenuhi syarat yang beliau kehendaki dalam penilaian riwayat.⁵¹

ii. Perbezaan fatwa dalam menentukan maksud *quru'* yang terkandung dalam firman Allah s.w.t:

وَالْمَطَّافُ لِمَ يَعْرِبُنَّ بِأَنفُسِهِنَّ نَائِمَةً فُرُوعٌ⁵²

Tafsirnya: Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). ”

Menurut fatwa Ibn Mas‘ūd yang dipersetujui oleh sayidina ‘Umar, ayat di atas bermaksud selesainya tempoh ‘iddah wanita yang

diceraikan ialah setelah dia mandi dari haid yang ketiga. Zayd bin Thābit pula memfatwakan bahawa ‘iddahnya selesai apabila masuk pada haid yang ketiga. Perbezaan pendapat ini terjadi kerana perbezaan fahaman terhadap perkataan *quru’* yang boleh dimaknakan suci dan haid.⁵³

1.2.2 Fatwa Sahabat Yang Dirujukkan Kepada Sunnah

Jika hukum tidak diperolehi melalui al-Qur'an, maka para sahabat akan merujukkan permasalahan berkenaan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. Para sahabat menghadapi kesukaran dalam mendapatkan ketentuan hukum melalui Sunnah kerana ketika itu hadis-hadis belum dikumpulkan atau dibukukan seperti mana sekarang. Mereka terpaksa mendapatkan hadis-hadis dikalangan para sahabat dan kadang-kadang para sahabat bertanya kepada orang ramai kalau-kalau mereka ada mendengar tentang hukum yang telah ditentukan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Hal ini menjadi lebih sukar apabila wujud hadis-hadis palsu. Para sahabat terpaksa bekerja keras untuk memastikan kesahihan hadis-hadis yang dihadapkan kepada mereka.

Para sahabat mempunyai metodologi yang berbeza dalam memastikan kesahihan hadis-hadis. Sayidina Abu Bakar r.a dan Sayidina ‘Umar r.a tidak menerima sesuatu hadis itu sehingga hadis tersebut mendapat sokongan dan pengakuan dari dua

orang saksi yang sama-sama mendengarnya. Manakala sayidina Ali k.w menghendaki periwayat hadis berkenaan bersumpah.⁵⁴

Antara contoh fatwa-fatwa yang dirujukkan kepada Sunnah ialah:

- i. Ibn Syihāb telah meriwayatkan daripada Qubaisah bin Dhu'aib bahawa seorang ninik telah datang kepada sayidina Abu Bakar r.a mengadu tentang bahagian pusaka yang berhak diwarisinya. Maka Abu Bakar r.a berkata: “Aku tidak dapati untukmu sesuatu dalam al-Qur'an dan aku tidak mengetahui ketentuan dari Rasulullah s.a.w untukmu”. Kemudian Abu Bakar r.a bertanya mengenai hukum permasalahan tersebut kepada para sahabat yang lain. Lalu bangkit al-Mughīrah bin Syu'bah seraya berkata: “Aku telah mendengar bahawa Rasulullah s.a.w telah memberikannya satu per enam. Mendengar keterangan tersebut Abu Bakar r.a bertanya kepadanya: “Adakah sesiapa bersamamu (yang mengetahui hal tersebut)?” Muhammad bin Musallamah pun berdiri dan menerangkan seperti mana yang dikatakannya. Maka Abu Bakar r.a memutuskan seperti yang dikhabarkan.⁵⁵

- ii. Abu Musa pernah memberi salam kepada Sayidina 'Umar r.a dari luar pintu sebanyak tiga kali. Beliau terus pulang apabila ketiga-tiga salamnya tidak mendapat jawapan. Mengetahui hal tersebut sayidina 'Umar r.a pun bertanya

mengapa dia pulang. Abu Musa menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w ada bersabda:

إِذَا سَلَّمَ أَخْدُوكُمْ تَلَاقَتَا فَلَمْ يُجْبَ فَلْيُرْجِعْ⁵⁶

Maksudnya: "Jika salah seorang dari kamu memberi salam sebanyak tiga kali, lalu tidak dijawab maka hendaklah dia pulang."

Mendengar jawapan tersebut beliau meminta Abu Musa membawakan bukti tentang kesahihan hadis yang dibawakannya. Abu Musa pun mendapatkan orang yang mendengar hadis tersebut daripada Rasulullah s.a.w dan membawa mereka menghadap sayidina 'Umar sebagai bukti.⁵⁷

Dua kejadian di atas menggambarkan dengan jelas tentang sikap para sahabat dalam mensabitkan sesuatu hukum menurut Sunnah.

1.2.3 Fatwa Melalui Ijtihad

Permasalahan-permasalahan yang dihadapkan kepada para sahabat tidak semuanya mampu diselesaikan hanya dengan hukum yang telah *thābit* melalui al-Qur'an dan Sunnah. Maka, demi memenuhi kehendak masyarakat, tidak ada jalan penyelesaiannya melainkan mereka menentukan hukum-hukumnya melalui ijtihad.⁵⁸

1.2.3.1 Ijtihad Secara Kolektif

Dalam al-Qur'an, Allah s.w.t telah berfirman:

وَلَا يَأْرِجُهُمْ فِي الْأَمْرِ⁵⁹

Tafsirnya: "Dan bermesyuaratlah bersama mereka mengenai perkara itu".

Ayat di atas menggambarkan betapa pentingnya permuzakarahan dalam membuat keputusan. Ayat ini mendapat perhatian dari para sahabat dalam mencapai keputusan untuk menentukan sesuatu hukum. Contohnya:

- i. Di zaman pemerintahan sayidina Abu Bakar r.a, timbul idea untuk mengumpul dan membukukan al-Qur'an. Idea tersebut disarankan oleh sayidina 'Umar r.a yang merasa khuatir terhadap kehilangan al-Qur'an kerana banyak orang-orang yang hafaz al-Qur'an terkorban dalam perang menentang orang-orang murtad yang dipimpin oleh Musailamah al-Kadhdhāb. Peperangan ini terjadi pada tahun ke 12H dan dikenali dengan perang Yamāmah.⁶⁰

Pada awalnya sayidina Abu Bakar r.a merasa ragu untuk melaksanakan idea tersebut. Beliau khuatir perbuatan tersebut menyalahi kehendak hukum syarak dan membawa kepada *bid'ah* kerana belum dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Setelah perbincangan dan perbahasan, idea

tersebut disepakati oleh para sahabat kerana kemaslahatan memelihara dan mengekalkan al-Qur'an.

Akhirnya usaha mengumpul dan membukukan al-Qur'an dilakukan dengan sempurnanya dengan tulisan Zayd bin Thābit.⁶¹

- ii. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w, banyak orang Islam yang enggan membayar zakat. Dalam membincangkan perkara tersebut, sayidina Abu Bakar r.a berpendapat bahawa mereka mesti diperangi (dibunuh). Pendapat tersebut cuba disanggah oleh sayidina 'Umar r.a dengan mengingatkan beliau kepada larangan Rasulullah s.a.w supaya tidak membunuh orang yang mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah kecuali dengan haknya. Maka sayidina Abu Bakar mempertahankan pendapatnya dengan mengatakan: "Aku tetap akan membunuh orang yang memisahkan antara sembahyang dengan zakat. Sesungguhnya zakat itu adalah hak dalam harta". Mendengar penjelasan tersebut sayidina 'Umar r.a mempersetujuinya dengan katanya: "Demi Allah tidaklah aku nampak kecuali Allah telah membukakan dada Abu Bakar r.a untuk berperang, maka tahulah aku bahawa ia adalah benar". Pendapat tersebut turut dipersetujui oleh para sahabat yang lain.⁶²

Kesepakatan para sahabat dalam menentukan sesuatu hukum seperti di atas disebut sebagai *ijmā'*.⁶³ Mengikut ulama usūl, *ijmā'* itu ialah kesepakatan para mujtahid dari umat Muhammad s.a.w selepas baginda wafat, pada suatu zaman, terhadap sesuatu hukum syarak.⁶⁴ *Ijmā'* seperti di atas telah diterima oleh kebanyakan ulama sebagai sumber hukum syarak yang pasti (*qat'i*) selepas al-Qur'an dan Sunnah.⁶⁵

Di zaman pemerintahan sayidina Abu Bakar r.a sehingga diawal pemerintahan sayidina 'Uthman r.a, keputusan secara kolektif (*ijmā'*) ini mudah dicapai kerana bilangan para ahli ijtihad ketika itu adalah sedikit dan mereka tinggal di tempat-tempat yang berhampiran.⁶⁶

1.2.3.2 Ijtihad Individu

Dalam berijtihad menentukan sesuatu hukum, ada kalanya para sahabat tidak sependapat dalam memutuskan sesuatu hukum. Dalam hal ini fatwa akan diberikan mengikut pendapat yang diijtihadkan oleh individu. Namun mereka kurang menyukai penentuan hukum dengan cara sedemikian. Para sahabat tidak menggalakkan fatwa yang dikeluarkan melalui ijtihad kerana mahu mengelakkan orang ramai dari banyak bercakap tentang agama dan ikut berfatwa dengan sesuka hati tanpa mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup mengenainya. Sebab itu fatwa-fatwa mereka yang dihasilkan melalui ijtihad individu adalah terlalu sedikit. Jika mereka perlu berbuat demikian, mereka akan memberi fatwa secara secukupnya sahaja mengikut kadar permasalahan

yang dipersoalkan. Mereka juga tidak akan memberi penjelasan hukum terhadap sesuatu yang belum terjadi.⁶⁷

Antara hasil ijihad individu yang difatwakan oleh para sahabat ialah:

- i. Sayidina Abu Bakar r.a memfatwakan bahawa datuk menghalang adik beradik simati dari mendapat pusaka. Sementara sayidina ‘Umar memfatwakan mereka mewarisi (bersama-sama) pusaka simati.
- ii. Sayidina ‘Umar r.a memfatwakan bahawa wanita yang dicerai dengan talak tiga (bā’in) masih berhak mendapat nafkah dan tempat tinggal. Manakala sahabat yang lain memfatwakan tidak ada nafkah dan tempat tinggal.
- iii. Sayidina ‘Uthman dan Zayd bin Thābit telah memfatwakan bahawa wanita merdeka yang menjadi isteri seorang hamba terpisah untuk selamanya dengan dua talak dengan mengqiyāskan hak talak kepada hak hamba. Manakala sayidina Ali k.w memfatwakan bahawa mereka terpisah dengan tiga talak.⁶⁸

Hukum-hukum yang telah dirumuskan melalui ijihad individu ini, para sahabat menyampaikannya kepada orang ramai dengan rasa rendah diri (*tawādū’*). Mereka tidak terus menisbahkan hukum berkenaan sebagai ketentuan syari‘at. Bahkan mereka

menisbahkannya kepada diri mereka sendiri. Contohnya, apabila sayidina Abu Bakar menentukan sesuatu hukum melalui hasil ijтиhadnya, beliau akan berkata: "Ini adalah pendapatku. Jika ia betul, ia adalah daripada Allah. Sekiranya salah, ia adalah dariku dan aku mohon keampunan Allah". Cara ini turut dicontohi oleh sayidina 'Umar, sayidina 'Uthman dan Sayidina Ali r.m dalam menentukan hukum hasil ijтиhad mereka.⁶⁹

Menurut Ibn Qayyim, bilangan ahli ijтиhad ketika itu ialah kira-kira seratus tiga puluh orang. Mereka dikategorikan kepada tiga golongan mengikut banyaknya fatwa yang diberikan. Golongan yang banyak berfatwa dikategorikan sebagai *al-mukthirūn*. Golongan yang sederhana ialah *al-mutawassitūn*. Manakala mereka yang sedikit fatwanya dikategorikan sebagai *al-muqillūn*. Para sahabat yang termasuk dalam kategori *al-mukthirūn* hanyalah tujuh orang. Mereka ialah sayidina 'Umar bin al-Khaṭṭab, Sayidina 'Ali bin Abi Talib, 'Abdullah bin Mas'ūd, 'Aisyah (Umm al-Mu'min), Zayd bin Thābit, 'Abdullah bin 'Abbas dan 'Abdullah bin 'Umar.⁷⁰

Dari gambaran di atas dapatlah dirumuskan bahawa fatwa di zaman pemerintahan al-Khulafā' al-Rāsyidīn adalah berpandukan al-Qur'an, sunnah dan ijтиhad yang meliputi *ijmā'* dan *qiyās*.

1.3 Fatwa Selepas Pemerintahan al-Khulafā' al-Rāsyidin

Setelah para sahabat meninggal dunia, pembentukan hukum telah diambil alih oleh murid-murid mereka dari kalangan ulama-ulama tābi'in. Selepas itu diteruskan oleh murid-murid mereka dari kalangan ulama-ulama pengikut tābi'in (*tābi'i al-tābi'iñ*). Kemudian diikuti dengan kemunculan para mujtahidin yang empat iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad serta sahabat-sahabat mereka.⁷¹

Autoriti pembentukan hukum ketika itu bukanlah kerana adanya lantikan dari pemerintah atau pilihan umum, tetapi semata-mata atas kepercayaan kaum muslimin terhadap mereka seperti kepercayaan terhadap guru-guru mereka. Kaum muslimin mempercayai keadilan, kecerdasan, ilmu dan fiqh mereka. Mereka menjadi tempat rujukan pemerintah, hakim-hakim dan orang ramai. Tugas memberi fatwa adalah tidak dapat dipisahkan, bahkan merupakan kewajipan yang mesti ditunaikan, kerana adanya faktor kemampuan pada diri mereka.⁷²

1.3.1 Pengeluaran Fatwa

Ketika pemerintahan kerajaan Islam diambil alih oleh Mu'awiyah bin Abi Sufyān pada tahun ke 41H, para sahabat dan *tābi'iñ* tidak lagi tinggal berhimpun di Madinah. Mereka berhijrah kewilayah-wilayah yang mereka rasakan dapat

menyelamatkan diri mereka dan boleh mengembangkan ilmu mereka. Di sana mereka mendapat perhatian dan menjadi tumpuan masyarakat setempat khususnya dalam mendapatkan fatwa terhadap permasalahan-permasalahan yang berbangkit. Fatwa-fatwa dikeluarkan seperti mana sebelumnya iaitu berpandu kepada al-Qur'an dan hadis-hadis yang mereka dengar sendiri daripada Rasulullah s.a.w atau dari para sahabat yang lain. Selain itu, dalam perkara yang tidak ada nas yang menjelaskan hukum mengenainya, fatwa dikeluarkan mengikut ijтиhad masing-masing.⁷³

1.3.2 Metodologi Ijtihad

Penggunaan ijтиhad semakin meluas dengan banyaknya permasalahan baru yang memerlukan ketentuan hukum syarak. Metodologi yang digunakan dalam berijtihad adalah berbeza dengan zaman sebelumnya.

Di zaman al-Khulafā' al-Rāsyidīn, ijтиhad para sahabat dalam mengeluarkan fatwa berkisar pada zahir nas sahaja. Tetapi di zaman ini, pembahasan lebih menjurus kepada perbincangan *'illat* atau *maslahat* yang dimaksudkan dari ketentuan hukum-hukum disamping mengaitkan antara satu permasalahan dengan permasalahan yang lain.⁷⁴

Hal ini sedikit sebanyak membawa kepada perbezaan fatwa kerana penilaian sesuatu *maslahat* adalah bergantung kepada pemikiran dan pertimbangan akal (*al-ra'yū*).⁷⁵

1.3.3 Kemunculan Mazhab-Mazhab Fiqh

Perbezaan pendapat di kalangan para mujtahid dalam menentukan dasar pengeluaran hukum, menyebabkan fatwa mereka berbeza antara satu dengan yang lain dan satu tempat dengan tempat yang lain. Perbezaan tersebut berpunca dari empat masalah pokok iaitu:

- i- Percanggahan pendapat dalam penerimaan Sunnah sebagai sumber syari'at.

Dengan timbulnya hadis-hadis palsu, para mujtahidin berselisih pendapat dalam menjadikan sunnah sebagai sumber hukum dan pelengkap al-Qur'an. Mereka menggunakan kaedah yang berbeza dalam menilai dan menerima hadis-hadis. Syi'ah hanya menerima hadis yang diriwayatkan melalui imam-imam mereka. Golongan Khawārij hanya menerima hadis-hadis para sahabat tertentu sahaja. Manakala jumhur ulama menerima mana-mana hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang '*ādil*' dari orang '*ādil*' yang seumpamanya hingga hal sampai kepada Rasulullah s.a.w walaupun perawi itu seorang sahaja.⁷⁶

ii. Penggunaan qiyas dan al-Istihsan.

Pengeluaran fatwa dengan cara *qiyās* (*al-ra'yū*) juga meluas penggunaannya terutama di kalangan ulama-ulama Iraq. Mereka berpendapat bahawa sesuatu hukum yang diperundangkan itu ada maslahatnya. Dengan demikian, mereka menjadikan maslahat sebagai asas penentuan hukum (*istinbāt*). Hal ini menimbulkan rasa kurang senang di kalangan orang-orang Madinah yang menghadkan agar fatwa mengikut al-Qur'an dan hadis sahaja. Antara ulama fiqh yang termasyhur dengan penggunaan qiyas ialah Ibrahim bin Yazid al-Nakhā'ī, guru kepada Hammād bin Abu Sulaiman iaitu guru Imam Abu Hanifah. Ibrahim mempelajari fiqh daripada 'Alqamah bin Qays al-Nakhā'ī. Dia seangkatan dengan seorang ahli hadis yang terkenal di Kufah iaitu 'Amir bin Syarāhil al-Sya'bī yang berpendirian menentang penggunaan *qiyās*.⁷⁷

Menurut al-Khadari, golongan yang paling banyak menggunakan qiyas (*al-ra'yū*) dalam mengistinbat hukum ialah pengikut-pengikut Imam Abu Hanifah. Pengikut-pengikut Imam Ahmad bin Hanbal pula kurang gemar menggunakannya. Sementara pengikut-pengikut Imam Syafī'i dan Imam Malik menggunakan qiyas untuk menentukan hukum adalah secara sederhana sahaja. Walaupun demikian penggunaan qiyas dalam penentuan hukum sangat ditentang keras oleh ahli-ahli hadis, puak Syi'ah dan al-Zāhiriyah.⁷⁸

iii- Percanggahan pendapat mengenai *ijmā'*.

Walaupun pada dasarnya *ijma'* diterima sebagai hukum yang pasti (*qat'i*) selepas al-Qur'an dan Sunnah, para mujtahid berbeza pendapat dalam menentukan hukum-hukum yang telah diputuskan secara *ijmā'* dan *ijmā'* yang bagaimanakah yang sepatutnya menjadi sumber syari'at.

iv. Perbezaan pendapat dalam memahami nas al-Qur'an.

Para Fuqahā' berbeza pendapat dalam menetapkan hukum dari ayat al-Qur'an, khususnya ayat-ayat yang mengandungi syarat dalam melaksanakan suruhan atau larangan. Contohnya firman Allah:

يَا أَيُّهَا الْمُنْتَهِيَّ إِذَا طَلَقْتُمُ الْأَنْسَاءَ فَطَلِقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ⁷⁹

Tafsirnya: "Wahai Nabi! Apabila kamu (engkau dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddahnya."

يَا أَيُّهَا الْمُلِّيْنَ كُمَّا مَوْلُوا إِذَا تَدَابَّيْتُمْ بِدِينِ إِلَى أَجْلٍ مُّسَمٍّ فَاقْسُبُوهُ⁸⁰

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga kesuatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu."

Permasalahan dalam ayat yang pertama ialah adakah batal talak jika suami menceraikan isterinya dalam keadaan haid. Manakala permasalahan yang timbul dalam ayat kedua, adakah hutang terbatal atau ditolak pendakwaan mengenainya jika hutang berkenaan tidak ditulis.

Fenomena di atas menyebabkan hukum yang difatwakan mengenai sesuatu perkara itu berbeza antara satu tempat dengan yang lain. Walaupun permasalahan yang menjadi kemesyikilan itu adalah sama.

Percanggahan dan perselisihan fatwa semakin meruncing apabila golongan yang mengeluarkan fatwa lebih mengutamakan aliran atau mazhab masing-masing. Orang-orang Syi'ah mempunyai fatwa-fatwanya yang tersendiri. Begitu juga dengan orang-orang Khawārij.⁸¹

Keadaan ini lebih ketara apabila para mujtahid yang datang selepas itu lebih menumpukan ijtihad mereka pada mendalami dan memperluaskan kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru-guru mereka dalam mengeluarkan fatwa. Mereka dikenali sebagai *mujtahid muntasib* (berafiliasi). Perbezaan pendapat antara mazhab-mazhab ini terus berkembang hingga kehari ini.⁸²

1.3.4 Pengumpulan Dan Pembukuan Fatwa

Awal kurun kedua hingga kepertengahan kurun ke empat Hijriyyah adalah zaman penghimpunan, penyusunan dan penulisan fatwa-fatwa dan juga Sunnah. Zaman ini merupakan zaman kegemilangan para ulama Fiqh dan zaman kemunculan imam-imam mazhab yang empat. Keistimewaan mereka dapat dilihat dalam tiga perkara berikut:

- i. Hasil pemikiran mereka dikumpulkan dan dibukukan.
- ii. Murid-murid mereka mengembangkan pendapat-pendapat mereka dan memberi sokongan serta mempertahankannya. Ini menjadikan para *Fuqahā'* mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat dan mazhab mereka menjadi ikutan.
- iii. Fiqh mendapat perhatian para pemerintah sehingga pihak kerajaan telah menentukan untuk mengikuti mazhab tertentu dalam urusan pentadbirannya seperti pentadbiran yang berhubung dengan sistem kehakiman dan kewangan. Contohnya Kerajaan ‘Abbāsiyyah telah menetapkan sistem kehakimannya dengan mengikut fiqh mazhab Hanafi.⁸³

Pengumpulan dan pembukuan hukum-hukum fiqh mula diusahakan di zaman pemerintahan kerajaan ‘Abbasiyyah. Pihak pemerintah sangat prihatin terhadap perkembangan ilmu pengetahuan sehingga pihak pemerintah menganggap tugas mengembangkan ilmu pengetahuan itu adalah sebahagian dari tanggungjawabnya. Sehubungan dengan itu, banyak buku-buku yang berbahasa Parsi telah diterjemahkan ke bahasa Arab. Usaha tersebut berterusan sejak pemerintahan Abu Ja‘afar al-Mansour sehingga zaman pemerintahan al-Ma’mūn bin al-Rasyid diawal kurun ketiga Hijriyyah. Buku-buku berkenaan disebarluaskan dengan luasnya.⁸⁴

Selain itu, perhubungan antara ulama dengan pemerintah sangat rapat sehingga tidak ada pihak pertengahan di antara mereka. Khalifah Ma’mūn sendiri telah menjadikan Abu Yusof sebagai sahabatnya. Dengan terciptanya hubungan baik ini para ulama berpeluang mengumpulkan ilmu-ilmu yang mereka ketahui dalam bentuk tulisan-tulisan untuk diabadikan kepada generasi selepas mereka. Antara buku yang terkenal dalam perkembangan ilmu fiqh ialah “al-Kharāj”. Buku ini ditulis oleh Abu Yusof yang mengandungi penjelasan masalah-masalah fiqh yang belum wujud sebelumnya. Disamping itu, orang ramai berpeluang mempelajari ilmu-ilmu lain yang dimiliki oleh negara-negara yang dibawah jajahan kerajaan Islam.⁸⁵

Bidang ijtihad semakin berkembang dengan wujudnya halaqah-halaqah yang mengadakan perbincangan dan pembahasan terhadap pelbagai ilmu, samada ilmu fiqh

atau lainnya. Perbincangan dan perbahasan yang diadakan adalah semata-mata untuk mencari ketentuan hukum yang sebenar.⁸⁶

Hukum-hukum fiqh menjadi panduan dalam mengukur adat dan budaya. Dengan itu banyaklah penulisan kitab-kitab fiqh sebagai menjelaskan hukum-hukum tersebut. Perbincangan mengenai cabang (*furu'*) dan pokok (*usūl*) fiqh juga semakin meluas. Fiqh Abu Hanifah telah disusun oleh muridnya Muhammad bin al-Hassan al-Syaibāni. Kitab al-Umm adalah dianggap kitab yang meliputi keseluruhan fiqh al-Syafi'i dan kitabnya al-Risalah adalah kitab pertama yang membicarakan tentang usul al-fiqh.⁸⁷ Kitab-kitab tersebut menjadi rujukan generasi selepas itu hingga ke hari ini dan seterusnya ilmu tersebut dikembangkan melalui penyusunan semula penulisan, *pentahqīqan*, penterjemahan dan sebagainya. Dengan tercapainya tamadun yang tinggi ini, kerajaan mampu mengimbangi keperluan perkembangan ilmu dan keperluan perkembangan politik negara.

1.4 Penginstitusian Fatwa

Setelah melalui berbagai perubahan dari peredaran zaman, maka pada masa sekarang, pengeluaran fatwa ditangani oleh institusi fatwa atau mufti-mufti yang dilantik oleh pemerintah. Jawatan Mufti mula diwujudkan secara rasmi oleh kerajaan di zaman pemerintahan khalifah 'Umar Abdul Aziz (yang memerintah tahun 96-101 H).⁸⁸

Dengan adanya pembentukan institusi fatwa dalam struktur sesebuah kerajaan, hal ehwal fatwa dapat berfungsi dengan baik dan sistematik.

1.4.1 Mufti dan Peranannya

Mufti ialah orang yang memberi fatwa atau jawapan terhadap permasalahan atau pertanyaan yang berkaitan dengan hukum syarak.⁸⁹

Pengertian di atas jelas menggambarkan bahawa tugas sebenar mufti itu ialah menjelaskan ketentuan hukum syarak seperti mana yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Mereka merupakan para ulama yang menjadi pewaris nabi-nabi dalam memikul tanggungjawab menerangkan dan menyampaikan ilmu-ilmu agama. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَبِيَاءِ وَإِنَّ الْأَبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينًا وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ⁹⁰

Maksudnya: “Dan sesungguhnya para ulama adalah pewaris para nabi dan sesungguhnya para nabi itu tidak mewariskan dinar atau dirham bahkan mereka mewariskan ilmu.”

Dalam hadis yang lain, Rasulullah s.a.w bersabda:

وَتَلَفِّو عَنِّي وَلَوْ آتَيْتُهُ⁹¹

Maksudnya: “Dan sampaikanlah dariku walaupun hanya sepotong ayat.”

Memandangkan besar dan pentingnya tanggungjawab tersebut, Ibn Qayyim telah menyifatkan kedudukan para ulama itu umpama bintang-bintang di langit. Mereka memandu dan memberi pertunjuk kepada orang-orang yang telah sesat kerana kejahilan. Masyarakat sangat berhajat kepada mereka sehingga hajat tersebut lebih utama daripada hajat terhadap makanan. Menurutnya lagi, tuntutan untuk mentaati ajaran para ulama adalah lebih utama daripada mentaati kedua ibu bapa.⁹²

Tuntutan di atas jelas disebut oleh Allah Ta‘ala dalam firmanNya:

يَتَأْلِمُ الْمُلْكَيْنَ عَامِنْتُهُ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا رَسُولَنَا وَأُولَئِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَزَعَّمُ فِي
شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَرَسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَبِالرَّسُولِ أَلَا خِرْجَةُ ذَلِكَ حَرْثٌ
وَأَحْسَنُ سَارِيَلَا⁹³

Tafsirnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “uli al-Amri” (orang-orang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (Sunnah) Rasulnya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Menurut Ibn ‘Abbas r.a, Jābir bin ‘Abdullah, al-Hasan al-Basri, Abu al-‘Aliyah, ‘Athā’ bin Abi Rabāh, al-Dahhāk dan al-Mujāhid, bahawa maksud “Ulu al-amr” dalam ayat di atas ialah para ulama.⁹⁴

1.4.2 Hukum Melantik Mufti

Mengikut Imam al-Nawawi, melantik mufti, selaku orang yang berperanan mendirikan hujah-hujah bagi mengesabitkan kewujudan Allah Ta‘ala dan kenabian dan menghuraikan kemusykilan-kemusykilan yang berlaku pada agama adalah fardu kifayah. Tujuannya ialah menyelesaikan segala kemusykilan dan kesamaran.⁹⁵

Ibn Khaldūn menjelaskan bahawa, antara kerja-kerja yang penting dalam agama ialah bidang fatwa dan kehakiman. Jawatan mufti itu adalah suatu perkara yang amat mustahak kepada umat Islam dan wajib ke atas pihak pemerintah mengadakan jawatan mufti.⁹⁶

Al-‘Allāmah al-Kabīr al-Syiekh Muhammad Bakhtī, Mufti Mesir, menjelaskan bahawa jawatan mufti adalah sama seperti jawatan kadi. Melantik orang yang layak dan berkebolehan daripada para ulama Islam menjadi mufti adalah suatu perkara fardu, yang wajib ke atas pihak yang berkuasa. Jika pihak berkuasa tidak melakukan yang demikian, maka dia berdosa.⁹⁷

Keterangan-keterangan di atas menggambarkan bahawa perlantikan mufti dalam sesebuah negara atau wilayah itu bukan sahaja merupakan perkara peting bahkan menjadi kewajipan pemerintah yang dituntut oleh hukum syarak sebagai fardu kifayah.

1.4.3 Syarat-Syarat Mufti

Allah s.w.t lebih awal memberi gambaran betapa beratnya kerja-kerja berfatwa dan besarnya implikasi kerja tersebut terhadap diri orang yang berfatwa. Selain daripada ilmu yang cukup, ia memerlukan kepada sifat sentiasa berhati-hati agar tidak terkeluar dari kebenaran. Firman Allah:

وَلَا تَكُونُوا لِسَمَا تَصِفُ أَنْتُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ إِنَّفَرَادًا عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَقْرَءُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ۝⁹⁸

Tafsirnya: "Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya."

Peranan utama mufti itu ialah mengambil alih tugas Rasulullah s.a.w dalam memberi penjelasan mengenai ketentuan hukum syarak.⁹⁹ Menurut Ibn Qayyim, memberi fatwa itu adalah kerjaya yang mulia kerana ia menjalankan tanggungjawab bagi pihak Penguasa (*Rabb*) langit dan bumi.¹⁰⁰

Memandangkan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mufti adalah sangat besar, maka usaha melantik orang yang berkelayakan untuk menjawat jawatan mufti itu bukanlah perkara yang mudah. Bahkan memerlukan kepada penelitian dan penilaian yang cermat. Tiga aspek utama yang menjadi prioriti dalam penilaian iaitu:

Pertama: Sifat peribadi (Syakhsiah)

Menurut Imam al-Nawawi, orang yang hendak dilantik menjadi mufti itu hendaklah dia orang Islam yang mukallaf, jujur, amanah, tidak fasiq, bermarwah tinggi, bijaksana, sihat dan tajam pemikiran, bagus pengurusan dan bersifat sentiasa berhati-hati dalam mengeluarkan hukum (*istimbār*). Orang yang tidak memiliki sifat-sifat di atas, fatwa-fatwanya tidak boleh menjadi pegangan walaupun dia seorang ahli ijtihad.¹⁰¹

Al-Harrānī menjelaskan bahawa antara sifat dan syarat untuk menjadi mufti mestilah seorang Islam, adil, mukallaf, *fāqīh*, ahli ijtihad, baik pemikiran dan pengurusan dalam ilmu fiqh dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.¹⁰²

Tiga sifat iaitu Islam, Mukallaf dan adil¹⁰³ yang menjadi syarat di atas adalah sabit dengan *ijmā'* kerana peranan mufti itu ialah memberitahu tentang hukum Allah s.w.t. Ketiga-tiga sifat ini sangat penting untuk mendapat kepercayaan (*thiqah*) dalam kata-katanya dan diterima pakai sebagai pegangan dan panduan. Sifat adil yang diambil kira disini ialah adil pada zahir sahaja kerana amat sukar untuk mengetahui sifat adil pada batin seseorang itu.¹⁰⁴

Kedua: Menguasai ilmu pengtahuan.

Penguasaan ilmu yang luas khasnya dalam bidang ilmu Islam adalah kriteria yang menjadi tumpuan dalam pemilihan mufti. Ini adalah disebabkan personaliti mufti itu biasanya dikaitkan dengan sifat *faqīh*. Menurut al-Harrani *faqīh* itu ialah orang yang mempunyai kapasiti ilmu yang membolehkan dia mengetahui hukum sesuatu itu bila masa dikehendaki. Dia mampu melakukan ijtihad untuk mengetahui perkara yang menjadi cabang dalam hukum syarak.¹⁰⁵

Menurut Imam Syafi'i, seseorang itu tidak boleh memberi fatwa kecuali jika dia betul-betul arif tentang kitab Allah (al-Qur'an). Termasuklah mengenai hal *nāsikh* dan *mansūkh*, *muhkam* dan *mutasyabih*, *ta'wīl* dan *tanzīl*, *makkiyyah* dan *madaniyyah*, maksud satu-satu ayat dan sebab-sebab ayat berkenaan diturunkan. Selain itu, dia mesti menguasai hadis-hadis Rasulullah s.a.w; *nāsikh* dan *mansūkh*nya. Pengetahuannya mengenai hadis hendaklah sebanding dengan pengetahuannya tentang al-Qur'an. Dia mesti menguasai bahasa Arab serta arif tentang hal ehwal syair dan disiplin ilmu lain yang diperlukan untuk memahami al-Qur'an. Dia juga mesti waspada dalam berfatwa, memahami perbezaan pendapat dikalangan para ulama, di samping dia memiliki kemampuan dan kepakaran dalam mengambil ketentuan hukum (*istinbāt*). Jika syarat-syarat tersebut dimilikinya, barulah boleh baginya berfatwa mengenai halal dan haram. Tetapi, jika tidak sampai ketahap yang sedemikian, dia belum boleh berfatwa.¹⁰⁶

Dr. Yusuf al-Qardāwi menyifatkan bahawa seorang yang mampu menghafaz hadis-hadis sahaja belum cukup untuk dikategorikan sebagai *faqīh* selagi dia tidak mempunyai kemampuan ilmiah untuk membezakan antara riwayat yang *maqbūl* (diterima) dan riwayat yang *mardūd* (ditolak), antara yang *sahīh* (betul) dan *ma'lūl* (cacat). Demikian juga kemampuan untuk mengeluarkan hukum (*istinbāt*) dan membuat penggabungan (*taufiq*) antara beberapa riwayat yang nampaknya berbeza, atau penggabungan antara nas-nas yang mengandungi beberapa pengertian dengan *maqāsid* (matlamat) syari'at dan kaedah-kaedah *kulliyah* (umum).¹⁰⁷

Ketiga: Pegangan dan amalan

Sifat *wara'*, kepatuhan dan keperihatinan dalam melaksanakan suruhan agama adalah antara syarat-syarat yang menjadi prioriti dalam menilai bakal mufti. Menurut Imam Malik: "seseorang itu tidak akan menjadi berilmu ('ālim) sehingga dia melazimkan atas dirinya untuk mengamalkan apa yang diketahuinya, sebelum dia memerintahkan atau memfatwakannya kepada orang lain untuk mengamalkannya, sehingga jika hal tersebut tidak disampaikan kepada mereka dia tidak akan menanggung dosa (kerana dia sudah mengamalkannya terlebih dahulu)."¹⁰⁸ Sifat *wara'* menjadikan mufti lebih waspada dan tidak bergegas dalam berfatwa. Ini dapat dicontohi dari apa yang dilakukan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w.

Al-Haitham bin Jamil telah menyaksikan Imam Malik berfatwa. Ketika itu sebanyak empat puluh lapan permasalahan telah dikemukakan kepadanya. Imam Malik hanya memperjelaskan tiga puluh dua masalah sahaja. Manakala yang lainnya tidak dijawab bahkan beliau mengatakan: “Aku tidak tahu”¹⁰⁹

Al-Qāsim bin Muhammad bin Abu Bakar telah ditanya mengenai sesuatu perkara. Maka jawabnya: “Aku bukanlah orang yang lebih mengetahui mengenainya”. Lalu penyoal pun berkata: “Aku ini datang kepadamu, dan aku tidak tahu orang lain selain tuan”. Maka jawabnya: “Janganlah engkau pandang pada janggutku yang panjang dan banyaknya orang yang duduk (belajar) disekelilingku, demi Allah aku bukanlah orang yang lebih mengetahui mengenainya”. Lalu seorang tua berbangsa Quraisy yang duduk disisinya menyampuk dengan saranan agar beliau menjelaskan permasalahan tersebut kerana dia berpendapat bahawa beliaulah yang lebih bijak dikalangan mereka. Lalu al-Qāsim menjawab: “Demi Allah nescaya aku lebih rela dipotong lidahku dari berkata mengenai sesuatu yang aku tidak tahu.”¹¹⁰

Contoh-contoh di atas jelas menggambarkan bahawa mufti tidak sepatutnya bersegera mengeluarkan fatwa terhadap permasalahan-permasalahan yang mereka belum yakin hukumnya. Fatwa perlu dilaksanakan dengan penuh amanah dan taqwa. Walau bagaimana pun, melewatkan fatwa berkenaan jangan sampai menimbulkan kemudarat kepada pihak yang memerlukannya.

Imam Ahmad bin Hanbal r.a pula merumuskan bahawa syarat-syarat yang diperlukan ke atas seorang mufti itu ada lima perkara, iaitu:

Pertama: Mempunyai niat yang ikhlas. Sebab jika tidak ada niat ikhlas dia tidak akan mendapat cahaya (petunjuk) dalam melakukan fatwanya.

Kedua: Mempunyai sifat kasih, rendah hati (*tawādu'*) dan ketenangan jiwa.

Ketiga: Mempunyai keyakinan yang teguh dengan tugasnya dan memahami soalan yang sedang dihadapinya.

Keempat: Hidupnya dalam kecukupan, kerana jika tidak, dia akan dipengaruhi oleh orang yang berkepentingan.

Kelima: Mempunyai maklumat yang cukup tentang adat-istiadat dan seluk-beluk kehidupan manusia.¹¹¹

Jika dilihat dari kriteria dan personaliti yang disyaratkan bagi seorang mufti, maka tidak mungkin timbul penyelewengan dalam berfatwa kerana pemilihannya berjalan di atas landasan yang sangat cermat dan ketat. Apatah lagi dengan wujudnya metodologi pengeluaran fatwa yang berlandaskan permesyuaratan dan perbahasan yang

mengambil kira kemaslahatan dan matlamat pensyariatan hukum syarak. Sekiranya terjadi, kesilapan tersebut bukanlah disenghajakan kerana jika dilakukan dengan sengaja ia adalah hasil dari kerja orang-orang yang sengaja ingin mengkhianati agama.

Melihat keadaan hari ini, memang amat sukar untuk mendapatkan orang yang benar-benar memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun langkah pihak kerajaan menubuhkan institusi fatwa disamping melantik Mufti Kerajaan adalah langkah yang bijaksana kerana hal ini akan mengatasi permasalahan di atas. Dengan tertubuhnya institusi berkenaan mufti tidak bersendirian dalam menangani hal ehwal fatwa. Apa yang perlu diambil kira dan dipertingkatkan ialah pengisian serta penyusunan prasarana institusi berkenaan.

1.5 Institusi Fatwa dan Peranannya

Banyak institusi-institusi fatwa yang telah dibentuk oleh kerajaan mempunyai autoriti penuh dalam bidang penetapan dan pengeluaran fatwa serta menjadi rujukan pihak kerajaan dan orang ramai. Inisiatif sedemikian merupakan antara tindakan kerajaan dalam menyatukan umat Islam dan menyebarkan maklumat-maklumat yang berhubung dengan hukum syarak yang difatwakan.

Dalam kajian ini, penulis memaparkan secara ringkas hasil tinjauan ke beberapa institusi fatwa yang sedang beroperasi dan memainkan peranannya sebagai institusi

berautoriti mengeluarkan fatwa. Institusi-institusi tersebut ialah Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, Mesir, Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Jawatankuasa Fatwa di Malaysia, Majlis Ugama Islam Singapura dan Majlis Syaikh al-Islām Thailand.

1.6 Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, Mesir.

Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah ditubuhkan pada bulan Jamadilakhir 1313H bersamaan dengan bulan November 1895M. Institusi ini diketuai oleh mufti yang dilantik oleh kerajaan. Mufti yang pertama dilantik ialah al-Syeikh Hasūnah al-Nawawi. Ketika itu beliau masih memegang jawatan asalnya sebagai Syaikh al-Azhar. Mufti digelar sebagai “*Mufti al-Diyār al-Miṣriyyah*” dengan lantikan rasmi daripada Ketua Negara (Ra’is al-Dawlah). Selepas pemberuntukan yang berlaku pada 23 Julai 1952M, gelaran mufti telah diubah kepada “*Mufti Jumhūriyyah Misr al-‘Arabiyyah*” dengan lantikan daripada Presiden Republik Arab Mesir. Gelaran tersebut kekal hingga sekarang. Dari segi protokol, jawatan Mufti adalah bertaraf “Menteri”.¹¹²

Dār al-Iftā' Al-Miṣriyyah kini telah mempunyai bangunan tersendiri di Hadīqah al-Khālidīn al-Darrāsah, Jalan Ṣalāh Sālim, Kaherah. Bangunan tersebut dirasmikan oleh Presiden Husni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir, pada 12 Rabi‘ilawwal 1412H bersamaan dengan 21 September 1991M.¹¹³ Urusan pentadbiran Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman.¹¹⁴

1.6.1 Peranan Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah

Sejak penubuhannya, Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah telah memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan dan masyarakat melalui tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Antara tanggungjawab yang dapat menggambarkan peranan tersebut adalah seperti berikut:

i. Mengeluarkan fatwa.

Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah bertanggungjawab memberi fatwa terhadap permasalahan-permasalahan yang berbangkit di Repablik Arab Mesir. Samada ia dihadapi oleh orang ramai mahupun pihak pemerintah. Fatwa yang diberikan berkait rapat dengan hal ehwal semasa dalam bidang-bidang seperti akidah, ibadat, *mu'amalāt*, hal ehwal keluarga, politik, ekonomi, kemasyarakatan dan lain-lain perkara yang memerlukan penjelasan hukum syarak.¹¹⁵

ii. Tempat rujukan mahkamah.

Mahkamah adalah satu institusi yang mempunyai bidang kuasa tersendiri. Walaupun demikian, kes-kes jenayah yang membawa kepada hukuman mati akan dirujukkan terlebih dahulu kepada mufti untuk mendapat pandangan dan penjelasan sebelum mahkamah menetapkan hukumannya. Para

hakim akan menghadapkan segala dukomen yang berkaitan untuk disemak dan diteliti oleh mufti. Jawapan mufti akan diserahkan ke mahkamah dengan fail khas “Rahsia” yang dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilak (seal) untuk diserahkan kepada mahkamah berkenaan.¹¹⁶

iii. Menentukan awal dan akhir bulan Hijriyyah.

Melihat anak bulan untuk menentukan awal dan akhir bulan Hijriyyah adalah menjadi sebahagian tanggungjawab Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah. Untuk menyempurnakan kerja-kerja melihat anak bulan dengan lebih sistematik serta berkesan, Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah turut dibantu oleh para pakar dalam ilmu Falaq dari berbagai pihak seperti Universiti Kaherah dan Universiti al-Azhar.

Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah telah menentukan beberapa kumpulan bertindak untuk melakukan penglihatan anak bulan pada dua puluh sembilan haribulan setiap bulan Hijriyyah dibeberapa tempat seperti Aswan, Qinā, al-Wādī al-Jadīd, Selatan Sinai, Matrūh dan lain-lain di mana tempat yang difikirkan mustahak dilakukan penglihatan anak bulan.¹¹⁷

iv. Memberi latihan.

Dalam usaha mewujudkan ulama pelapis, khususnya dalam bidang fatwa Dār al-Iftā' al-Misriyyah menyediakan perkhidmatan memberi latihan mengenainya kepada orang ramai dalam dan luar negara. Antara negara-negara yang telah menghantar pegawai-pegawaiannya untuk mengikuti latihan di Dār al-Iftā' al-Misriyyah berkenaan termasuklah negara-negara seperti Brunei, Malaysia, Indonesia dan Thailand.¹¹⁸

1.6.2 Pengeluaran Fatwa

Dalam menyediakan fatwa, mufti dibantu oleh pegawai-pegawai penyelidik yang dilantik khas oleh kerajaan yang terdiri dari para ulama sebagai pembantu mufti. Hasil permuzakarahan antara mufti dengan pembantu-pembantunya akan dikeluarkan sebagai fatwa atas nama Mufti Republik Arab Mesir. Dalam isu-isu yang memerlukan keterangan lanjut daripada pakar bidang-bidang tertentu, seperti bidang perubatan, ekonomi dan sebagainya, Dār al-Iftā' al-Misriyyah akan meminta khidmat pakar berkenaan untuk memberi keterangan mengenai isu yang menjadi permasalahan sebelum fatwa dikeluarkan.¹¹⁹

Fatwa yang dikeluarkan tidak disyaratkan supaya mengikut mazhab tertentu atau mengutamakannya. Malah jawapan yang diberikan mengikut pendapat yang lebih mudah untuk diikuti dan dipraktikkan.

Sebagai contoh, fatwa mengenai bilangan penyusuan yang boleh mengharamkan pernikahan dengan adik beradik susuan. Fatwa yang diberikan kepada orang yang bertanya adalah mengikut pendapat mazhab Syafi'i yang menetapkan sabitnya sebagai adik beradik susuan itu dengan lima kali susuan. Berbanding dengan pendapat dalam mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali yang mengatakan sedikit atau banyak kali menyusu itu adalah sama sahaja pada mensabitkan sebagai adik beradik susuan dan seterusnya mengharamkan pernikahan antara mereka.¹²⁰

1.6.3 Fatwa Terkumpul

Dalam usaha menambahkan bahan-bahan bacaan mengenai ilmu-ilmu Islam, Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah telah mencetak fatwa-fatwa yang difatwakan oleh mufti-mufti Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah. Isu-isu yang terkandung dalam fatwa-fatwa berkenaan sangat perlu diketahui oleh orang ramai untuk dijadikan panduan dan rujukan. Lebih-lebih lagi perkara-perkara yang difatwakan itu adalah berhubung kait dengan urusan kehidupan seharian umat Islam. Kumpulan fatwa tersebut dinamakan "Al-Fatāwā al-Islāmiyyah". Ketika penulis membuat tinjauan ke Dār al-Iftā' berkenaan, fatwa-fatwa yang telah dibukukan terkumpul dalam dua puluh tiga jilid. Fatwa-fatwa berkenaan mendapat

sambutan baik dan menjadi panduan kepada kerajaan serta orang ramai di Mesir. Bahkan ia turut menjadi rujukan kepada institusi-institusi fatwa negara-negara lain diseluruh dunia.

1.7 Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia

Komisi fatwa, Majelis Ulama Indonesia adalah pihak yang khusus berperanan menangani fatwa dan memberi nasihat mengenai ketentuan hukum syarak kepada pemerintah dan masyarakat di peringkat nasional. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan dapat diterima dengan baik oleh seluruh lapisan masyarakat dan menjadi panduan kepada pemerintah. Demi menjaga kesempurnaan dan kemaslahatan umum, fatwa-fatwa yang dikeluarkan hanya berpihak kepada kebenaran menurut agama.¹²¹

1.7.1 Pengeluaran Fatwa

Pengeluaran fatwa Majelis Ulama Indonesia adalah melalui sidang-sidang Komisi Fatwa yang anggotanya terdiri daripada tokoh-tokoh ulama dari berbagai keahlian dan dari berbagai aliran atau mazhab, baik yang terlibat dalam organisasi fatwa maupun dari orang perseorangan. Dalam hal-hal tertentu, sidang fatwa turut mengundang para pakar dalam bidang-bidang khusus seperti perubatan, sains dan seumpamanya untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat sebelum mengeluarkan fatwa. Ahli-ahli yang dilantik menganggotai komisi ini adalah

berdasarkan ketetapan Dewan Pimpinan Majelis Ulama Indonesia Pusat dan Dewan Pimpinan Majelis Ulama Indonesia Tingkat 1.¹²²

Keputusan yang telah disepakati dalam sidang Komisi Fatwa, adalah keputusan yang menjadi ketetapan Majlis Ulama Indonesia sebagai Fatwa Majlis Ulama Indonesia dan disampaikan kepada orang ramai untuk dipatuhi dan dijalankan. Seterusnya disampaikan kepada pemerintah untuk dikuatkuasakan melalui undang-undang.¹²³

Menurut Keputusan Rapat Pengurus Paripurna, Majelis Ulama Indonesia pada 7 Jumadil Awwal 1406H / 18 Januari 1986M, fatwa-fatwa yang ditetapkan oleh Komisi Fatwa adalah dikeluarkan dengan rasminya oleh Dewan Pimpinan Majelis Ulama Indonesia dalam bentuk surat keputusan penetapan fatwa yang ditandatangani oleh Ketua Umum, Sekritaris Umum dan Ketua Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia.¹²⁴

1.7.2 Dasar Penetapan Fatwa

Majelis Ulama Indonesia telah mewujudkan “**Pedoman Penetapan Fatwa Majelis Ulama Indonesia**” sebagai panduan dalam penetapan fatwa. Dengan adanya pedoman ini, masyarakat dapat melihat dengan jelas bagaimana proses dan mekanisme penetapan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia. Masyarakat juga dapat menilai bahawa fatwa yang dikeluarkan Majlis Ulama Indonesia itu memenuhi

tahap ilmiah dan dapat dipertanggungjawabkan. Dasar-dasar tersebut dinyatakan dalam bab 2 pasal 2, (keluaran yang baru 1997), yang terdiri atas tiga ayat, sebagai berikut:

1. Setiap keputusan fatwa harus mempunyai dasar atas Kitabullah dan Sunnah Rasul yang mu'tabarah, serta tidak bertentangan dengan kemaslahatan umat.
2. Jika tidak terdapat dalam Kitabullah dan Sunnah Rasul, sebagaimana ditentukan pada pasal 2 ayat 1, Keputusan fatwa hendaklah tidak bertentangan dengan *ijmā'*, qiyas yang mu'tabar, dan dalil-dalil hukum yang lain, seperti Istihsan, Masalah al-Mursalah, dan Sadd al-Zari'ah.
3. Sebelum pengambilan keputusan fatwa hendaklah ditinjau pendapat-pendapat para imam mazhab terdahulu, baik yang berhubungan dengan dalil-dalil hukum maupun yang berhubungan dengan dalil yang dipergunakan oleh pihak yang berbeda pendapat, serta pandangan penasehat ahli yang dihadirkan.¹²⁵

1.7.3 Himpunan Keputusan Dan Fatwa

Sejak penubuhan Majelis Ulama Indonesia, ia telah mengumpulkan fatwa-fatwanya dan membukukannya supaya fatwa-fatwa tersebut menjadi rujukan orang ramai. Buku tersebut dinamakan **Himpunan Keputusan Dan Fatwa Majelis Ulama**

Indonesia. Fatwa-fatwa yang dimuatkan dalam buku berkenaan sebanyak 53 fatwa pilihan. Himpunan fatwa tersebut mengandungi 13 fatwa mengenai dengan ibadat, 25 fatwa mengenai sosial kemasyarakatan, 5 fatwa mengenai faham keagamaan dan 10 fatwa mengenai ilmu pengetahuan dan teknologi.

Antara fatwa yang dapat menyelesaikan masalah-masalah masyarakat dan kerajaan ialah:

- i. Fatwa yang membolehkan keluarga berencana dengan menggunakan alat kontrasepsi selain Vasektomi dan Tubektomi telah banyak membantu pemerintah dalam melicinkan jalan program Nasional Keluarga Berencana.
- ii. Fatwa mengenai haramnya Sumbangan Dermawan Sosial Berhadiah (SDSB) yang kemudian diikuti dengan pembatalan kebenaran dan pengharamannya oleh pemerintah dapat membendung umat dari bahaya perjudian dan melindungi umat dari kemaksiatan yang ditimbulkannya.
- iii. Fatwa mengenai beberapa aliran / ajaran sesat yang diikuti pengharaman oleh pemerintah melalui kejaksaan Agung telah berhasil membendung akidah umat dari ajaran sesat.¹²⁶

1.7.4 Penguatkuasaan Fatwa

Penguatkuasaan fatwa Majelis Ulama Indonesia menghendaki kebijaksanaan pemerintah. Fatwa yang hanya menyentuh hal agama Islam dan tidak melibatkan pihak-pihak yang lain, keputusan pemerintah dalam menguatkuasakan fatwa berkenaan dapat dilaksanakan dengan segera, seperti fatwa mengenai ajaran sesat. Fatwa tersebut cepat dikuatkuasakan untuk mengharamkan ajaran dan buku-buku yang berkaitan dengannya oleh pemerintah melalui Kejaksaan Agung. Manakala fatwa yang bertentangan dengan kepentingan pemerintah, penguatkuasaannya mengambil masa yang panjang kerana ia memerlukan kebijaksanaan dan pertimbangan yang mendalam. Contohnya, fatwa Majelis Ulama Indonesia yang mengharamkan Sumbangan Dermawan Sosial Berhadiah (SDSB) yang dikuatkuasakan selepas tiga tahun. Ini adalah disebabkan kewujudan SDSB itu sendiri bermanfaat bagi pemerintah. Ia mendatangkan dana kepada Jabatan Kemasyarakatan untuk membantu membiayai projek-projek sosial. Namun setelah dipertimbangkan secara matang dan ternyata mudharatnya lebih besar dari manfaatnya akhirnya larangan mengenainya dikeluarkan oleh pemerintah.¹²⁷

1.8 Jawatankuasa Fatwa Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara persekutuan yang terdiri daripada Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Termasuk dalam Malaysia itu wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.¹²⁸ Agama rasmi bagi Malaysia ialah agama Islam. Manakala agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Malaysia.¹²⁹

Kepala Utama Negara Malaysia adalah dipegang oleh Yang DiPertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja.¹³⁰ Sementara negeri-negeri adalah dikepalai oleh raja. Negeri-negeri yang tidak mempunyai raja dikepalai oleh Yang diPertua Negeri. Lantikan mereka adalah mengikut Pelembagaan Negeri masing-masing.¹³¹

Menurut Perlembagaan Persekutuan, kuasa-kuasa perundangan dibahagikan kepada dua, iaitu Parlimen dan Badan Perundangan Negeri. Parlimen adalah pihak yang berkuasa membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian Persekutuan dan juga undang-undang yang berkuatkuasa luar dan dalam Persekutuan. Manakala Badan Perundangan Negeri adalah pihak yang berkuasa membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian negeri sahaja.¹³² Perkara-perkara yang berhubungan dengan hukum syarak, termasuk pengeluaran fatwa, terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti mana yang dijelaskan dalam jadual kesembilan dari Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan tersebut turut memperuntukkan bahawa raja adalah menjadi ketua agama bagi negeri berkenaan. Manakala Yang Di Pertuan Agong adalah ketua agama bagi negeri yang tidak beraja.¹³³

Keadaan di atas mempengaruhi pembentukan institusi fatwa di Malaysia yang dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat kebangsaan dan peringkat negeri.

1.8.1 Fatwa Peringkat Kebangsaan

Peringkat kebangsaan, fatwa ditangani oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah hasil dari mesyuarat Majlis Raja-Raja ke 81, yang diadakan pada 17hb Oktober 1968. Mesyuarat tersebut telah meluluskan Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.¹³⁴ Peraturan ini mengandungi tujuh belas perkara.

Berikutan kelulusan tersebut, melalui persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 1 Julai 1969, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah ditubuhkan.¹³⁵

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berikut:

- i. Membincang, menimbang, dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran.

- ii. Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Agama Islam dan pelajaran Agama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.¹³⁶

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Fatwa peringkat kebangsaan telah ditubuhkan seperti mana kehendak perkara 11 dari Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

1.8.2 Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Ahli-ahli yang dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Fatwa di peringkat kebangsaan adalah terdiri daripada:

- i. Pengerusi Jawatan kuasa yang dilantik oleh Majlis dari ahli-ahlinya.

- ii Mufti tiap-tiap Negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama.
- iii. Lima orang alim ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.
- iv. Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.¹³⁷

Perlantikan ahli-ahli di atas adalah dengan perakuan Perdana Menteri Malaysia bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun melainkan Pengerusi dan Mufti, seperti mana yang disebutkan dalam perkara 13.

“13. Tiap-tiap ahli melainkan Pengerusi dan Mufti-Mufti hendaklah dilantik daripada calon-calon yang diperakukan oleh Perdana Menteri, selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, tetapi ia adalah layak dilantik semula. Ia hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja tetapi ia boleh meletakkan jawatannya.”

1.8.3 Peranan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Perkara 14 dari Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menjelaskan bahawa tugas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ialah menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja.

“14. Tugas Jawatankuasa Fatwa itu ialah menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama

Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyorannya kepada Majlis Raja-Raja.”

1.8.4 Penetapan Fatwa Peringkat Kebangsaan

Penetapan fatwa dalam Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah mengikut sebulat suara. Dalam perkara yang ahli-ahli tidak sebulat suara keputusan akan diambil mengikut suara yang ramai dengan mensyaratkan nisbah 2/3 dari ahli-ahlinya yang mengundi.¹³⁸

1.8.5 Fatwa Peringkat Negeri

Pihak berkuasa fatwa negeri dan prosedur penetapan fatwa di negeri-negeri adalah mengikut apa yang telah diperuntukkan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri. Secara keseluruhannya undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa, kuasa melantik mufti adalah dipegang penuh oleh pemerintah.¹³⁹

Dengan perlantikan tersebut, mufti-mufti adalah secara langsung berperanan sebagai penasihat kepada Yang DiPertuan Agong dan juga raja-raja dalam semua perkara yang berkaitan dengan hukum syarak dan menjadi pihak berkuasa utama (dalam bidang agama) dalam negeri berkenaan selepas Yang DiPertuan Agong atau raja negeri-negeri.¹⁴⁰

1.8.6 Pengeluaran Fatwa

Pada amnya pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa bagi negeri-negeri adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Pihak berkenaan boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu mufti, Jawatankuasa Fatwa dan Majlis Agama Islam Negeri. Antara negeri-negeri yang meletakkan kuasa membuat fatwa kepada mufti ialah Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Disebalik kuasa yang diberikan kepada mufti, mufti hendaklah memanggil Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Jawatankuasa Syariah bagi Negeri Perak) untuk membincangkan perkara yang hendak difatwakan.¹⁴¹

Manakala antara negeri-negeri yang meletakkan kuasa membuat fatwa kepada Majlis Agama Islam Negeri ialah Johor, Terengganu, dan Kelantan. Apabila menerima permintaan untuk mengeluarkan fatwa, Setiausaha Majlis akan mengemukakan permintaan tersebut kepada Jawatankuasa Syariah (Jumaah Ulama bagi Negeri Kelantan, Lujnah Fatwa bagi Negeri Johor dan Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Terengganu). Fatwa akan dikeluarkan oleh Jawatankuasa berkenaan atas nama Majlis Agama Islam.¹⁴²

Apabila Enakmen Pentadbiran Agama negeri-negeri dipinda, kecuali Kedah dan Perlis, acara fatwa dikeluarkan telah dipinda. Fatwa tidak lagi dikeluarkan oleh Majlis.¹⁴³

1.8.7 Dasar Penetapan Fatwa

Dalam mengeluarkan fatwa, selain daripada berpandu kepada al-Qur'an, Sunnah dan sumber-sumber utama dalam ijтиhad, pada lazimnya fatwa akan dikeluarkan mengikut *qaul mu'tamad* dalam mazhab Syafi'i kecuali jika mengikut *qaul mu'tamad* itu fatwa akan jadi bertentangan dengan kepentingan awam. Jika terjadi hal sedemikian fatwa akan dikeluarkan mengikut *qaul mu'tamad* dari mana-mana mazhab Ahl Sunnah wa al-Jamaah yang lebih kuat dalilnya dan lebih maslahat bagi umat.¹⁴⁴

Walaupun demikian, bagi negeri-negeri yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa Fatwa atau Majlis Agama Islam untuk mengeluarkan fatwa terdapat prosedur yang perlu diikuti untuk tujuan tersebut.

Bagi Negeri Perlis, jika Jawatankuasa Fatwa mencapai keputusan sebulat suara, Majlis akan mengeluarkan pendapat itu sebagai fatwa. Jika pendapat diluluskan dengan kelebihan suara Jawatankuasa, Majlis akan menimbangkan semula pendapat tersebut dan akan mengeluarkan fatwa berasaskan pendapat itu jika dipersetujui oleh sebahagian besar ahli Majlis. Jika pendapat sebilangan besar ahli Jawatankuasa tidak dipersetujui oleh Majlis, maka Majlis hendaklah mengemukakan pendapat itu kepada Raja untuk keputusannya.¹⁴⁵

1.8.8 Penguatkuasaan Fatwa

Hampir keseluruhan undang-undang yang berkuatkuasa dinegeri-negeri berhubung dengan fatwa telah memperuntukkan dengan nyata bahawa tiada pandangan atau pendapat terhadap mana-mana soalan yang berkaitan dengan hukum syarak yang diberi atau dikeluarkan oleh pihak berkuasa fatwa boleh dianggap sebagai fatwa kecuali setelah fatwa tersebut diwartakan mengikut peruntukan undang-undang berkenaan. Sebaik sahaja diwartakan, suatu fatwa akan mengikat orang-orang Islam yang tinggal dinegeri berkenaan sebagai ajaran agamanya dan menjadi kewajipannya mengikut dan berpegang kepada fatwa itu.¹⁴⁶

Memandangkan perkara fatwa terletak dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri, maka fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau hasil muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan perlu difatwakan semula dan diwartakan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi negeri-negeri.

Sebagai langkah lanjutan dalam menguatkuasakan fatwa, tindakan undang-undang akan diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang berhubung kait dengan fatwa. Kesalahan-kesalahan itu termasuklah kesalahan memberi, mengembangkan atau menyibarkan apa-apa pendapat yang berupa fatwa untuk diikuti oleh orang Islam mengenai apa-apa soalan ajaran Islam atau hukum syarak yang berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah oleh pihak berkuasa fatwa. Ada juga

undang-undang negeri yang memperuntukkan kesalahan kerana melanggar atau menghina fatwa.¹⁴⁷

1.8.9 Fatwa Terkumpul

Keputusan-keputusan yang telah dicapai dari hasil permuzakarahan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan disampaikan untuk makluman pihak berkuasa fatwa negeri-negeri. Walaupun demikian ketetapan tersebut tidaklah dianggap sebagai fatwa, sehingga ketetapan tersebut difatwakan secara resmi oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa di negeri masing-masing.

Setakat kajian ini dibuat belum ada penyusunan lengkap atau pembukuan keputusan-keputusan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Di peringkat negeri-negeri pula fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan kebanyakannya belum dibukukan. Setakat yang diketahui, antara negeri yang telah membukukan fatwanya ialah Johor dan Kelantan.

1.9 Jawatankuasa Fatwa Republik Singapura

Di zaman awal pemerintahan Singapura, Perkara-perkara yang berhubung dengan hal ehwal agama Islam ditadbir oleh Lembaga Wakaf Orang-Orang Islam dan Hindu (Muslims and Hindu Endowment Board). Lembaga ini berkuatkuasa pada tahun 1906. Kemudian pada tahun 1915 satu lembaga khas telah ditubuhkan yang digelarkan Lembaga Penasihat Orang-Orang Islam. Lembaga ini berperanan memberi nasihat kepada kerajaan dalam perkara-perkara keagamaan dan kebajikan orang-orang Islam di Singapura. Dalam usaha memperkemas dan menangani segala permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Islam Singapura, maka “Muslim Ordinance” telah dibentuk pada tahun 1957. Berikutan pembentukan ordinan berkenaan tertubuhlah Mahkamah Syariah dan Pejabat Pernikahan Orang-Orang Islam yang diberi kuasa mentadbir undang-undang keluarga termasuk pembahagian harta pusaka. Pada 17 Ogos 1966 Parlimen Singapura telah meluluskan Rang Undang-Undang bagi penubuhan Majlis Ugama Islam Singapura dengan aktanya yang bernama “The Administration of Muslim Law Act 1966”¹⁴⁸ yang diterjemahkan sebagai Akta Pentadbiran Hukum Islam 1966.¹⁴⁹ Dengan berkuatkuasanya Akta berkenaan pada tahun 1968, tertubuhlah Majlis Ugama Islam Singapura.¹⁵⁰

Dengan terbentuknya Majlis Ugama Islam Singapura dan wujudnya Akta Pentadbiran Hukum Islam berkenaan, ia telah banyak menyumbang kepada kejayaan

masyarakat Islam Singapura dalam menjaga dan membela hak-hak dan kepentingan masyarakat Islam.

1.9.1 Perlantikan Mufti Republik Singapura

Seperti mana juga negara-negara lain, institusi fatwa adalah merupakan institusi penting dalam kehidupan masyarakat Islam di Republik Singapura. Mengikut Akta Pentadbiran Hukum Islam 1966, Mufti Republik Singapura adalah dilantik dengan rasminya oleh Presiden Singapura setelah mengambil kira maklum balas dari Majlis Ugama Islam Singapura dan perlantikan tersebut diumumkan dalam warta pemerintah. Hal ini dijelaskan dalam seksyen 30 (1) dari akta berkenaan.

“30. (1) Presiden Singapura boleh, setelah berunding dengan Majlis, melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti Singapura. Perlantikan itu hendaklah diumumkan dalam Warta Kerajaan.”

Orang yang pertama dilantik mengikut akta di atas ialah Tuan Haji Sanusi bin Haji Mahmood (1968 - 1971). Kemudian digantikan oleh Syed Isa bin Mohamed bin Semait mulai 7 Februari 1972 hingga sekarang.

Oleh kerana mufti yang dilantik di bawah akta berkenaan adalah sebagai pegawai awam negara, maka perlantikan Mufti Singapura dibuat menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan taraf pegawai kanan “Superscale H”.¹⁵¹

Antara kelayakan yang dipersyaratkan bagi calon Mufti Singapura ialah memiliki ijazah dalam bidang pengajian Islam atau Syariah dari Universiti Al-Azhar atau universiti lain yang diiktiraf, mempunyai pengetahuan yang baik mengenai hukum Islam khususnya menurut pendapat mazhab yang empat dan menguasai Bahasa Arab dan Tulisan Jawi serta memahami Bahasa Inggeris.¹⁵²

1.9.2 Pengeluaran Fatwa

Walaupun Mufti Singapura telah dilantik, namun lantikan tersebut tidak memberi kuasa kepada mufti untuk mengeluarkan fatwa. Fatwa-fatwa hanya akan dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Undang-Undang yang dibentuk menurut seksyen 31 (1) dari akta yang sama.

"Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa Undang-Undang bagi Majlis, yang mengandungi Mufti, dua orang anggota Majlis yang lain yang layak dan sesuai dan tidak lebih daripada dua orang Islam yang lain yang layak dan sesuai yang bukan anggota Majlis."

Menurut seksyen di atas selain mufti jawatankuasa berkenaan turut dianggotai oleh dua orang daripada Ahli Majlis dan dua orang ulama tempatan yang bukan daripada ahli Majlis yang dikira mempunyai kelayakan. Mereka dilantik bagi tempoh yang tertentu oleh Presiden Singapura berdasarkan nasihat Majlis.¹⁵³

Jawatankuasa ini lebih dikenali sekarang sebagai Jawatankuasa Fatwa. Menurut seksyen 31 (3) dari akta yang sama, mufti adalah Pengerusi bagi Jawatankuasa berkenaan.

Sesiapa sahaja boleh, dengan surat yang dialamatkan kepada Setiausaha Majlis, meminta Majlis mengeluarkan suatu fatwa mengenai sebarang perkara dalam hukum Islam. Apabila menerima sesuatu permintaan fatwa Setiausaha Majlis hendaklah segera mengemukakan permintaan tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa.¹⁵⁴

Jawatankuasa Fatwa akan mempertimbangkan tiap-tiap permintaan fatwa dan akan membuat suatu rangka fatwa mengenai perkara berkenaan, kecuali pada fikirannya soalan yang dikemukakan itu berupa soalan remeh atau kerana lain-lain sebab yang munasabah soalan itu tidak harus dijawab. Jika rangka fatwa itu dipersetujui dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Fatwa atau oleh anggota-anggotanya yang hadir dan berhak mengundi, Pengerusi, bagi pihak dan atas nama Majlis, akan segera mengeluarkan fatwa seperti yang telah dipersetujui. Jika Jawatankuasa Fatwa tidak mendapat kebulatan suara, soalan berkenaan hendaklah dirujukkan kepada Majlis dan Majlis dengan cara yang sama akan mengeluarkan suatu fatwa, iaitu menurut pendapat bilangan terbesar daripada anggota-anggotanya. Majlis boleh pada bila-bila masa atas kehendaknya sendiri membuat dan menerbitkan sesuatu fatwa atau penentuan.¹⁵⁵

Jika dalam sebuah mahkamah sesuatu perkara berkenaan dengan hukum Islam menghendaki penentuan dan mahkamah itu meminta pendapat Majlis mengenainya, maka perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa Fatwa, bagi pihak dan atas nama Majlis, akan memberikan pendapatnya berkenaan soal tersebut menurut pendapat bilangan terbesar daripada anggota-anggotanya dan akan mengakui sah pendapat tersebut kepada mahkamah itu.¹⁵⁶

Dalam menyempurnakan perjalanan prosedur di atas, Jawatankuasa Fatwa telah pun menyusun program mesyuaratnya secara tetap iaitu diadakan sekali sebulan. Walaupun demikian, jika terdapat isu penting yang perlu penyelesaian segera, Jawatankuasa Fatwa akan mengadakan mesyuarat khas mengenainya.¹⁵⁷

1.9.3 Dasar Penetapan Fatwa

Garis panduan yang perlu diikuti oleh Jawatankuasa Fatwa dalam menentukan hukum yang akan difatwakan dijelaskan dalam Seksyen 33 iaitu pada ghalibnya mengikut kepercayaan mazhab Syafi'i. Jika pada fikiran Majlis atau Jawatankuasa Fatwa, dengan mengikut kepercayaan mazhab Syafi'i, akan bertentangan dengan kepentingan masyarakat, Majlis boleh mengikut mana-mana mazhab yang lain yang difikir munasabah, tetapi dalam sesuatu fatwa seperti itu syarat-syarat dan lunas-lunas yang diikuti hendaklah dinyatakan satu persatu dan dengan segala penjelasan yang perlu.¹⁵⁸

Dalam sesuatu perkara dimana fatwa atau pendapat Majlis atau Jawatankuasa Fatwa diminta berkaitan dengan kepercayaan suatu mazhab yang tertentu, Majlis atau Jawatankuasa Fatwa hendaklah memberi fatwa atau pendapat menurut kepercayaan mazhab berkenaan.¹⁵⁹

Sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa hanya akan dikira mencukupi ahlinya jika dihadiri oleh mufti dan dua orang ahlinya; dengan syarat bahawa mereka mestilah bukan dari jenis kumpulan yang sama.¹⁶⁰

Dalam menangani permasalahan berbangkit yang memerlukan penjelasan terperinci dari pakar dalam bidang-bidang tertentu, Jawatankuasa Fatwa akan mengundang para pakar yang berkaitan untuk menghadiri dan menyertai perbahasannya. Tujuan Jawatankuasa Fatwa berbuat demikian adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas sebelum membahaskan fatwanya dari sudut keagamaan. Kelunggaran tersebut diberikan melalui seksyen 31 (5) akta yang sama.

1.9.4 Kumpulan Fatwa

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Singapura banyak menyelesaikan permasalahan-permasalahan mengenai perkara agama yang dihadapi oleh masyarakat dan pihak pemerintah Singapura.

Untuk menyebar luaskan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura, berbagai usaha telah dibuat. Antaranya ialah membukukan fatwa-fatwa berkenaan. Dengan demikian ia memudahkan orang ramai merujukkan permasalahan mereka kepada perkara-perkara yang dimuatkan dalam buku berkenaan. Buku tersebut diberi judul “**Kumpulan Fatwa, Majlis Ugama Islam Singapura**”.¹⁶¹

Ketika kajian ini dibuat, dua jilid dari Kumpulan Fatwa berkenaan telah diterbitkan. Jilid pertama mengandungi 45 permasalahan. Manakala jilid dua mengandungi 42 permasalahan. Fatwa-fatwa berkenaan boleh juga dirujuk melalui internet dan sebahagiannya telah dikeluarkan melalui Majalah Warita.¹⁶²

1.10 Majlis Syaikh Al-Islām, Thailand¹⁶³

Umat Islam Thailand merupakan golongan minoriti di negara tersebut. Walau pun demikian kepentingan agama Islam dan umat Islam tetap mendapat perhatian pihak pemerintah. Perkembangan agama Islam lebih pesat berkembang di kawasan Selatan Thailand seperti Yala, Pattani, Narathiwat dan Satun. Perkembangan berkenaan sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kekuatan perkembangan Islam di wilayah-wilayah utara Malaysia seperti Kelantan dan Kedah, yang berjiran dengan wilayah-wilayah tersebut. Ini menyebabkan penduduk majoritinya adalah terdiri dari orang-orang Islam yang kebanyakannya boleh bertutur dalam Bahasa Melayu. Kekuahan Islam di wilayah-

wilayah berkenaan lebih menyerlah apabila undang-undang keluarga Islam berjaya dijadikan sebagai sebahagian undang-undang wilayah berkenaan.

Majlis Syaikh al-Islām Thailand adalah pihak yang bertanggungjawab mengendalikan perkara-perkara yang berhubung kait dengan hal ehwal Islam dan Muslimin diperingkat nasional. Majlis tersebut bertindak sebagai penghubung antara kerajaan dengan masyarakat Islam dalam memastikan kebijakan serta kepentingan orang-orang Islam Thailand tidak diabaikan atau dicerobohi oleh mana-mana pihak.

1.10.1 Peranan Majlis Syaikh al-Islām

Tiga peranan utama yang dimainkan oleh Majlis Syaikh al-Islām Thailand iaitu:

- i. Mengeluarkan fatwa melalui Majlis Ulama Thailand.
- ii. Menjadi penyelaras jawatankuasa-jawatankuasa yang menangani permasalahan semasa umat Islam Thailand.
- iii. Membuat pengesahan kehalalan makanan dan membuat pemeriksaan serta pengawasan mengenainya.

Dalam struktur pentadbiran, Majlis Syaikh al-Islām diletakkan dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Thailand.

1.10.2 Perlantikan Syaikh al- Islam

Perlantikan Syaikh al-Islam Thailand adalah berdasarkan pemilihan yang dibuat dalam mesyuarat khas dengan dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Thailand. Nama orang yang dipilih akan dihadapkan kepada Perdana Menteri untuk disembahkan kepada Raja Thailand bagi tujuan pengesahan perlantikan. Jawatan Syaikh al-Islam sekarang (1998) disandang oleh Tuan Haji Ahmad bin Musa bin Mahmud bin Musa bin ‘Uthman bin Ali yang lahir pada 27 Januari 2459 TS (27 Januari 1915M). Beliau adalah Syaikh al-Islam Thailand yang ke-18.

1.10.3 Pengeluaran Fatwa

Seperti mana negara-negara lain, Thailand tidak ketinggalan dalam membentuk institusi yang berautoriti dalam menangani hal ehwal fatwa. Satu jawatan kuasa telah dibentuk oleh Majlis Syaikh al-Islām khusus menyelesaikan permasalahan dan kemosykilan hukum syarak dikalangan umat Islam di negara berkenaan. Jawatankuasa ini terdiri dari para ulama yang mendapat lantikan rasmi dari Syaikh al-Islām Thailand. Jawatan kuasa berkenaan dinamakan sebagai Majlis Ulama Thailand dan dipengerusikan sendiri oleh Syaikh al-Islām. Bilangan ahli Majlis Ulama Tahiland yang ada sekarang (1998) berjumlah tiga puluh orang.

Prosedur biasa yang dilakukan dalam pengeluaran fatwa, orang ramai yang ingin mendapatkan fatwa boleh menghadapkan kemosykilan-kemosykilan mereka secara

bertulis terus kepada Syaikh al-Islām yang masa ini (1998) berpejabat di 24, MOO 12, Mitmaitree Road, Nongchok, Bangkok 10530, Thailand, atau melalui ahli-ahli yang dilantik peringkat wilayah. Permasalahan tersebut akan dibincangkan bersama ahli-ahli dalam mesyuaratnya untuk dikeluarkan fatwa mengenainya.

1.10.4 Dasar Penetapan Fatwa

Sudah tentunya keputusan atau fatwa akan di keluarkan berdasarkan nas-nas al-Qur'an dan sunnah. Selain itu fatwa akan dikeluarkan mengikut pendapat ulama-ulama mazhab Syafi'i kerana majoriti umat Islam Thailand adalah pengikut mazhab berkenaan. Sungguh pun demikian, jika dengan mengikut pendapat mazhab Syafi'i itu akan menimbulkan kesulitan atau kegelisahan di kalangan masyarakat setempat dalam mengikuti atau melaksanakan pendapat berkenaan, maka fatwa akan dikeluarkan berdasarkan kemaslahatan umum yang ada dalam mana-mana pendapat dari mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

1.10.5 Fatwa Terkumpul

Setakat kajian ini dibuat, fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Ulama Thailand belum ada yang dibukukan. Mengikut maklumat yang disampaikan kepada penulis, pihak Majlis Syaikh al-Islām masih dalam proses penyusunan fatwa-fatwa berkenaan untuk dibukukan.

1.11 Rumusan

Dari keterangan di atas, jelas kepada kita bahawa fatwa ialah penjelasan mengenai ketentuan hukum syarak daripada orang yang mempunyai kepakaran mengenainya. Tugas memperjelaskan hukum syarak berjalan secara berterusan dan bersambung-sambung daripada Rasulullah s.a.w kepada para sahabat, kemudian kepada tābi‘in dan seterusnya kepada pengikut tābi‘in sehingga timbulnya para mujtahidin yang menjadi pengasas mazhab-mazhab fiqh. Mazhab-mazhab ini seterusnya mendapat sokongan dan dikembangluaskan oleh murid-murid mereka.

Di zaman Rasulullah s.a.w, fatwa ditangani sendiri oleh baginda dengan berdasarkan wahyu daripada Allah s.w.t sama ada al-Qur'an atau Sunnah. Kedua-duanya adalah merupakan sumber utama syariat Islam.

Ijtihad adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam menentukan hukum syarak terhadap perkara-perkara yang tidak ada nas yang menjelaskan hukum mengenainya. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w, ijtihad dilakukan dalam dua bentuk iaitu secara kolektif dan secara individu. Ijtihad yang disepakati dalam bentuk kolektif dinamakan *ijma'* yang diiktiraf sebagai hukum yang pasti (*qat'i*) selepas al-Qur'an dan Sunnah. Selepas zaman al-khulafā' al-rāsyidin, hukum yang diputuskan melalui ijtihad secara kolektif sukar dicapai kerana para sahabat dan para mujtahid tinggal di tempat yang berjauhan. Keadaan ini memaksa para mujtahid memutuskan hukum mengikut apa

yang diijtihadkan secara individu untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam.

Metodologi ijтиhad ketika itu tidak lagi terhad kepada pengeluaran (*istinbāt*) hukum daripada zahir nas al-Qur'an atau sunnah, bahkan lebih menjurus kepada '*illat* dan *maslahah*'. Keadaan ini menyebabkan fatwa yang dikeluarkan adalah berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain dan akhirnya membawa kepada lahirnya mazhab-mazhab fiqh. Dengan perkembangan ilmu fiqh yang diterokai oleh pengasas mazhab-mazhab dan pengikut-pengikut mereka, fatwa-fatwa dan kitab-kitab hasil tulisan mereka telah tersebar luas hingga ke hari ini.

Dari sudut sejarah, jelas bahawa fatwa itu merupakan isu penting untuk ditangani dengan cara yang sistematik kerana fatwa, sebagai penjelasan hukum, sangat diperlukan oleh masyarakat dan pemerintah dalam menyelesaikan permasalahan yang berhubung kait dengan ketentuan hukum syarak.

Pada hari ini, fatwa ditangani oleh mufti-mufti. Melantik mufti adalah merupakan antara perkara fardu kifayah. Mufti mestilah dilantik dari orang yang mempunyai keperibadian yang tinggi, ilmu pengetahuan yang luas khususnya dalam bidang agama Islam dan mempunyai akhlak yang mulia.

Institusi fatwa dan mufti-mufti yang dilantik oleh kerajaan di bawah kawalan undang-undang yang dibuat mengenainya adalah menjadi sumber rujukan kerajaan dan

orang ramai dalam mendapatkan penjelasan hukum syarak. Dengan pembentukan institusi tersebut Mufti Kerajaan tidak lagi bersendirian dalam menangani hal ehwal fatwa. Ini bermakna telah wujud satu wadah atau lapangan bagi mufti mengadakan permesyuaratan, perbincangan, pertukaran pendapat serta mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak tertentu sebelum mengeluarkan fatwa.

Terdapat peruntukan undang-undang yang berbeza dalam menentukan pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa. Sebahagian institusi fatwa memberi kuasa kepada mufti untuk mengeluarkan fatwa seperti Mesir dan beberapa negeri di Malaysia seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Sebahagiannya memberi kuasa kepada jawatankuasa khas untuk mengeluarkan fatwa walaupun Mufti Kerajaan telah dilantik seperti Singapura dan beberapa negeri di Malaysia seperti Johor, Terengganu, Kelantan. Manakala Indonesia dan Thailand memberi kuasa kepada jawatankuasa khas untuk mengeluarkan fatwa dan tidak ada lantikan Mufti Kerajaan.

Prosedur yang diamalkan oleh institusi-institusi fatwa masa kini dalam menetapkan fatwa dan memilih pandapat, fatwa dikeluarkan mengikut pendapat yang boleh menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Ini terbukti apabila peruntukan undang-undang telah menetapkan agar mengikut pendapat mazhab Syafi'i, tetapi undang-undang juga membolehkan fatwa dikeluarkan mengikut fahaman mazhab-mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, demi kemaslahatan dan keselisaan umat Islam.

RUJUKAN

- ¹ Ibn Mandzūr, Jamāl al-dīn Muhammād b. Mūkarram, *Lisān al-‘Arab*, Beirut, 1968, Jld 15, hlm 148.
- ² Al-Zabīdi, Muhammād Murtadā, *Tāj al-‘Arūs*, Beirut, t.t, Jld 10, hlm 275 dan Al-Fairūzabādī, *al-Qānnūs al-Muhibh*, Beirut, 1993, hlm 1702. Dr. Muhammād Rawwās Qal’ājī, & Dr. Hamid Sādiq Qunaibī, *Mu’jam Lughāt al-Fuqahā’*, Beirut, 1985, hlm 339.
- ³ *Al-Fatāwā al-Islāmiyah*, Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah, Kaherah, 1980, Jld 1, hlm 9.
- ⁴ Al-Zabīdi, Muhammād Murtadā, *Loc. Cit.*
- ⁵ Ibn Mandzūr, Jamāl al-Dīn Muhammād b. Mūkarram, *Op. Cit.* hlm 148.
- ⁶ Surah al-Nisā’ 4 : 127.
- ⁷ Surah al-Nisā’ 4: 176. “**Kalālah**” ialah seorang yang telah meninggal dunia dan tidak meninggalkan anak lelaki dan bapa. (Lihat *Tafsīr al-Jalālain*, Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Beirut, 1971, hlm 139)
- ⁸ Surah Yūsuf 12 : 43
- ⁹ Surah al-Naml 27 : 32.
- ¹⁰ Surah al-Nahl 16 : 43.
- ¹¹ Al-‘Umari, Drh. Nādiyah Syarīf, *Al-Ijtihād fi al-Islām*, Beirut, 1985, hlm 44.
- ¹² Surah Fātir 35 : 24.
- ¹³ Surah al-Mā’idah 5 : 67.
- ¹⁴ Surah Ali ‘Imrān 3 : 85.
- ¹⁵ Surah al-Nahl 16 : 89.
- ¹⁶ Surah al-Nahl 16 : 44.

¹⁷ Surah al-Isrā' 17 : 106

¹⁸ Al-Hasari, Dr. Ahmad Muhammad, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah, 1991, hlm 38.

¹⁹ Al-Hajwī, Muhammad bin al-Hasan, *Al-Fikr al-Sāmi fi Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut, 1995, Juz 1, hlm 74.

²⁰ Surah al-Baqarah 2 : 219.

²¹ Surah al-Baqarah 2 : 222.

²² Surah al-Baqarah 2 : 221.

²³ Surah al-Isrā' 17 : 78.

²⁴ Surah al-Hajj 22 : 77.

²⁵ Surah al-Baqarah 2 : 238.

²⁶ Surah al-Mā'idah 5 : 6.

²⁷ Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā'il, *Sahīh al-Bukhāri*, bāb al-Azān, Juz 1, hlm 117.

²⁸ Al-'Umari, Drh. Nādiyah Syarīf, *Ijtihād al-Rasūl*, Beirut, 1978, hlm 40.

²⁹ *Ibid*, hlm 41.

³⁰ Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā'il, *Op. Cüt*, bāb fard sadaqat al-fitr, juz 1, hlm 263.

³¹ Al-Naisābūri, Muslim bin al-Hajāj al-Qusyairi, *Sahīh Muslim*, kitāb al-saum, bāb qadā' al-saum 'an al-mayyit, Beirut, Juz 2, hlm 804.

³² Al-Qurtubi, Abū Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Anṣāri, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Beirut, 1988, Juz 8, hlm 30-33. Al-Rāzi, Fakhr al-Din bin Ḏiyā' al-Din, *Al-Tafsīr al-Kabīr*, Beirut, 1985, Juz 15, hlm 203-204.

³³ Surah al-Anfāl 8 : 67.

³⁴ Al-Hajwī, Muhammad bin al-Hasan, *Op. Cüt*, hlm 138.

-
- ³⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'ālamīn*, Kaherah, 1993, Juz 4, hlm 230.
- ³⁶ Abu Dāwud, Sulaimān bin al-Asy'ath al-Sajastāñi, *Sunan Abī Dāwud*, bāb ijtihād al-ra'y fi al-qadā', Beirut, Juz 3, hlm 303.
- ³⁷ Surah al-Nisā' 4 : 29.
- ³⁸ Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Asy'ath al-Sajastāñi, *Op. Cit.*, bāb idhā khāfa al-junub al-bard atayammam, Beirut, Juz 1, hlm 92.
- ³⁹ Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā'il, *Op. Cit.*, bāb ajr al-hākim idhā ijtahada fā aṣāba aw akhta'a, Juz 4, hlm 268.
- ⁴⁰ Dr. Muhammad Rawwās Qal'āji dan Dr. Hamid Sādiq Qunaibi, *Op. Cit.* Dlm pengertian kalimat **الوحى**
- ⁴¹ Surah al-Najm 53 : 3 - 4.
- ⁴² Surah al-Nisā' 4 : 105
- ⁴³ Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā'il, *Op. Cit.*, bāb mākāna al-nabiyyu yus'alu mimmā lam yunzal 'alaihi al-wahy, Juz 4, hlm 263.
- ⁴⁴ Surah al-Jāthiyah, 45 : 18.
- ⁴⁵ Surah al-Hasyr 59 : 7.
- ⁴⁶ Surah al-Nisā' 4 : 59.
- ⁴⁷ Imam Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, kitāb al-qadr, Juz 2, hlm 899.
- ⁴⁸ Surah Ali 'Imrān 3 : 7.
- ⁴⁹ Surah al-Talāq 65 : 4.
- ⁵⁰ Surah al-Baqarah 2 : 234.
- ⁵¹ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Tarīkh al-Tasyrī' al-Islamī*, Dar al-Fikr, Beirut, 1995, hlm 65.
- ⁵² Surah al-Baqarah 2 : 228.

⁵³ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Loc. Cit.*

⁵⁴ *Ibid*, hlm 61.

⁵⁵ *Ibid*, hlm 60.

⁵⁶ Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Istanbul, 1992, Juz 4, hlm 394.

⁵⁷ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *loc. Cit.*

⁵⁸ Al-Ghazālī, al-Imam Abu Hāmid Muhammad bin Muhammad, *Al-Mustasfā Min 'Ilm al-Uṣūl*, Beirut, t.t, Juz 2, hlm 242.

⁵⁹ Surah Ali 'Imrān 3 : 159.

⁶⁰ Al-Suyūti, Jalāl al-Din, *Tārīkh al-Khulafā'*, hlm 58 - 59.

⁶¹ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Op. Cit*, hlm 57-58.

⁶² Al-Suyūti, Jalāl al-din, *Op. Cit*, hlm 56-57.

⁶³ al-Qattān, Mannā' Khalil, *Al-Tasyrī wa al-Fiqh al-Islāmi*, Kaherah, 1989, hlm 196.

⁶⁴ Al-Zuhailiy, Dr. Wahbah, *al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh*, Damsyiq, 1995, hlm 46.

⁶⁵ *Ibid*, hlm 54

⁶⁶ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Op. Cit*, hlm 63.

⁶⁷ al-Hasārī, Dr. Ahmad Muhammad, *Op. Cit*, hlm 121

⁶⁸ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Op. Cit*, hlm 64-66.

⁶⁹ *Ibid*, hlm 63.

⁷⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Op. Cit*, Juz 1, hlm 20-21.

⁷¹ 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *Ikhtisar Sejarah Pembentukan Hukum Islam*, (Terj. Drs Imron A.M), Singapura, 1981, hlm 56 - 57.

⁷² *Ibid.*

⁷³ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Op. Cit*, hlm 74.

⁷⁴ *Ibid*, hlm 78.

⁷⁵ *Ibid*, hlm 68-69.

⁷⁶ Permasalahan ini dibincangkan secara detail oleh al-Syaikh Muhammad al-Khadari dalam kitabnya, *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmi*, Dār al-Fikr, Beirut, 1995, hlm 101-110

⁷⁷ *Ibid*, hlm 79.

⁷⁸ *Ibid*, hlm 111- 114.

⁷⁹ Surah al-Talāq 65 : 1.

⁸⁰ Surah al-Baqarah 2 : 282.

⁸¹ Abu Zahrah, Muhammad, *Tārīkh al-Madḥāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah, Mesir, t.t, hlm 278 - 279.

⁸² Ibn Ṣalāh, Abu 'Amr 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān, *Adab al-Muftī wa al-Mustafī*, Makkah, 1986, hlm 91.

⁸³ Al-Hasārī, Dr. Ahmad Muhammad, *Op. Cit*, hlm 214.

⁸⁴ Al-Khadari, al-Syaikh Muhammad, *Op. Cit*, hlm hlm 97.

⁸⁵ Al-Hasārī, Dr. Ahmad Muhammad, *Op. Cit*, hlm 209-210.

⁸⁶ *Ibid*, hlm 211.

⁸⁷ *Ibid*, hlm 214.

⁸⁸ Othman Haji Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1981, hlm 19.

⁸⁹ Abdud Karim Zaidān, *Uṣūl al-Da'wah*, Mesir, 1992, hlm 151. Ibn al-Ṣalāh, Abu 'Amr 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān, *Op. Cit*, hlm 23. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Op.Cit*, Juz 4, hlm 224.

⁹⁰ Abū Dawūd, Sulaimān bin al-Asy'ath al-Sajastānī, *Op. Cit*, bāb al-hathth 'alā talab al-'ilm, Juz 3, hlm 317₊

⁹¹ Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā'il, *Op. Cit*, bāb ma dhakara 'an bani Isrā'il, hlm 258 dan al-Termidzi, Abu 'Isā muhammad bin 'Isā bin Sawrah, *al-Jāmi' al-Sahīh*, kitāb al-'ilm, bāb ma jā'a fi al-hadīth 'an bani Isrā'il, Mesir, Juz 5, hlm 40.

⁹² Ibn Qayyim al-Jawziyah: *Op. Cit*, Juz 1, hlm 18.

⁹³ Surah al-Nisā' 4 : 59.

⁹⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Op. Cit*, Juz 1, hlm 18-19.

⁹⁵ Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf, *Al-Majmū' Syarh al-Muhadhdhab*, Juz 1, hlm 26-27.

⁹⁶ Ibn Khaldūn: *Muqaddimat*, Beirut, 1984, hlm 393.

⁹⁷ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: Berturut 59/71(24) JUB/181/1971.

⁹⁸ Surah al-Nahl 16 : 116.

⁹⁹ Al-Syātibi, Abu Ishāq Ibrahim bin Musa, *Al-Muwāṣatqāt fi Uṣūl al-Syarī'at*, Beirut, Juz 4, hlm 244.

¹⁰⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Op. Cit*, Juz 1, hlm 19.

¹⁰¹ Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf, *Op.Cit*, Jld 1, hlm 41 dan Ibn Salāh, *Op.Cit*, hlm 86.

¹⁰² Al-Harrānī, al-Imam Ahmad bin Ḥamdān, *Op.Cit*, hlm 13.

¹⁰³ "Adil" di sini maksudnya berterusan melakukan perintah Allah yang wajib, sunat dan bercakap benar. Disamping itu dia meninggalkan perkara yang haram, makruh dan dusta disertai dengan penjagaan *murū'ah*, meninggalkan segala keraguan dan sangkaan kerana mengambil manfa'at dan menolak kemudharatan.

¹⁰⁴ Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf, *Op. Cit*, hlm 42.

¹⁰⁵ Al-Harrāni, al-Imam Ahmad bin Hamdān, *Op. Cit*, hlm 14.

¹⁰⁶ Al-Khātib al-Baghdādi, Ahmad bin Ali bin Thābit, *Al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*, Damsyik, 1975, Juz 2, hlm 157.

¹⁰⁷ Al-Qardāwi, Dr. Yusuf, *al-Fatwā Bayna al-Indibāt wa al-Tasayyub*, Beirut, 1995, hlm 30.

¹⁰⁸ Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf, *Op. Cit*, hlm 41.

¹⁰⁹ *Ibid*.

¹¹⁰ Al-Harrāni, Ahmad bin Hamdān, *Op. Cit*, hlm 8.

¹¹¹ Al-Bahūti, Manshur bin Yunus bin Idris, *Kasyṣyāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, Dar al-Fikr, Beirut, Juz 6, hlm 240.

¹¹² Buku *Kalimat ‘an Dār al-Iftā’ al-Misriyyah*, Dār al-Iftā’ al-Misriyyah, 1415H/1994M, hlm 3- 4.

¹¹³ *Ibid*. hlm 4.

¹¹⁴ Maklumat ini diperolehi melalui temubual dengan Pegawai Pentadbir Dār al-Iftā’ al-Misriyyah (Ustaz Salāh Ramadān)

¹¹⁵ Buku *Kalimat ‘an Dār al-Iftā’ al-Misriyyah*, Dār al-Iftā’ al-Misriyyah, 1415H/1994M, hlm 5

¹¹⁶ *Ibid*.

¹¹⁷ *Ibid*. hlm 6

¹¹⁸ *Ibid*.

¹¹⁹ Maklumat ini diperolehi melalui temubual dengan Pegawai Pentadbir Dār al-Iftā’ al-Misriyyah (Ustaz Salāh Ramadān).

¹²⁰ Fatwa bilangan 344, *al-Fatāwī al-Islāmiyyah*, Dār al Iftā' al-Misriyyah, Mesir, 1981, Jld 2, hlm 689.

¹²¹ Bab II, Pasal 4, ceraian 2 dari *Pedoman Dasar Majelis Ulama Indonesia (Hasil Munas V) 1995*, hlm 9 dan Prof.Dr. Amir Syarifuddin, *Op. Cit*, hlm 9.

¹²² Pasal 4, *Pedoman Tata-Cara Penetapan Fatwa*, dlm. Himpunan keputusan dan fatwa Majelis Ulama Indonesia, 1993, hlm 16 dan Pasal 5 bab III dari *Pedoman Dasar Pedoman Rumah Tangga (Hasil Munas V) 1995*, Majelis Ulama Indonesia.

¹²³ Prof.Dr. Amir Syarifuddin, *Op.Cit*, hlm 11.

¹²⁴ *Pedoman Tata-Cara Penetapan Fatwa*, dlm. Himpunan keputusan dan fatwa Majelis Ulama Indonesia, 1993, hlm 15.

¹²⁵ *Prosedur Fatwa*, oleh Indonesia, Kertas Kerja Majlis Muzakarah Ulama Negara Brunei Darusalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali ke 2, Pulau Pinang, Malaysia, 1997, hlm 2.

¹²⁶ Prof.Dr. Amir Syarifuddin, *Op.Cit*, hlm 9-10.

¹²⁷ *Ibid*, hlm 11- 12.

¹²⁸ *Perlembagaan Persekutuan*, Bahagian 1, Perkara 1 (1),(2) & (4).

¹²⁹ *Ibid*, Bahagian 1, Perkara 3.

¹³⁰ *Ibid*, Bahagian 4, Persekutuan, Bab 1, Perkara 32 dan 38 (2) (a).

¹³¹ *Ibid*, Bahagian 5, Negeri-Negeri, Perkara 70 (1),(2) dan Perkara 71 (1).

¹³² *Ibid*, Bahagian 6, Bab 1, Pembahagian kuasa-kuasa perundangan, perkara 73 (a) & (b).

¹³³ *Ibid*, Bahagian 1, perkara 3 (2), (3) & (5).

-
- ¹³⁴ Dato' Haji Md. Hashim bin Hj.Yahya, *Prosedur Fatwa Amalan Di Malaysia*, Kertas Kerja Majlis Muzakarah Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia Dan Republik Singapura (MABIMS), Kali Ke 2, Pulau Pinang, Malaysia, 1997, hlm 1.
- ¹³⁵ Othman Haji Ishak, *Op. Cit*, hlm 58.
- ¹³⁶ *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Perkara 7 (a) & (b).
- ¹³⁷ *Ibid*, Perkara 11 (a).
- ¹³⁸ *Ibid*, Perkara 12.
- ¹³⁹ *Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan)*, 1993, seksyen 32 (1), *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor*, 1989 seksyen 29 (1), *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka*, 1991, seksyen 28 (1) dan *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan*, 1991, seksyen 28 (1).
- ¹⁴⁰ *Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan)*, 1993, seksyen 33, *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor*, 1989, seksyen 30, *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka*, 1991, seksyen 29 dan *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan*, 1991, seksyen 29.
- ¹⁴¹ *Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan)*, 1993, seksyen 34 (1) & seksyen 37 (5), *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor*, 1989, seksyen 31 (1) & seksyen 34 (4). *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang*, 1993, seksyen 36 (1) & seksyen 39 (5), *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak*, 1992, seksyen 34 (1) & seksyen 37 (4), *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan)*, 1991, seksyen 30 (1) & seksyen 33 (5) dan *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang)*, 1991, seksyen 36 (1) & seksyen 39 (5). *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka*, 1991, seksyen 33 (5).
- ¹⁴² *Enakmen Pentadbiran Hukum Islam Johor*, 1978, seksyen 16 (1), *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, 1966, seksyen 13 (1) dan *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)* 1986, seksyen 25 (1).
- ¹⁴³ Dato Dr. Abdul Monir Yaacob, *Perkembangan Institusi Mufti Di Malaysia*, Kertas kerja Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, IKIM, Malaysia, 23 & 24 September 1997.
- ¹⁴⁴ *Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan)*, 1993, seksyen 39, *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor*, 1989, seksyen 36. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama*

Islam Negeri Pulau Pinang, 1993, seksyen 41, *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, 1966, seksyen 14 dan *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)* 1986, seksyen 26.

¹⁴⁵ Dato' Haji Md. Hashim bin Hj.Yahya, *Op. Cit*, hlm 3 - 4.

¹⁴⁶ *Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan)*, 1993, seksyen 34 (2) & (3), *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor*, 1989, seksyen 31 (2) & (3), *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang*, 1993, seksyen 36 (2) & (3) dan *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak*, 1992, seksyen 34 (2) &(3).

¹⁴⁷ *Enakmen Pentadbiran Hukum Islam Johor*, 1978, seksyen 168, *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, 1966, seksyen 70 dan *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)* 1986, seksyen 205.

¹⁴⁸ Akta ini berkuatkuasa pada 1 Julai 1968. Dalam usaha memperkermaskan kandungan akta ini, beberapa pindaan telah dibuat mengenainya. Manakala yang berkuatkuasa sekarang ialah semakan 1985. Akta ini mengandungi 10 bahagian dan 146 seksyen.

¹⁴⁹ Syed Isa bin Mohamed bin Semait, *Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Singapura*, kertas kerja Seminar Serantau Mufti Dan Fatwa, IKIM, Kuala Lumpur, 1997, hlm 2 - 5.

¹⁵⁰ Buku Orang Islam Di Singapura Visi Bersama, MUIS, Singapura, t.t, hlm. 121

¹⁵¹ Syed Isa bin Mohamed bin Semait, *Op. Cit*, hlm 7.

¹⁵² Syed Ahmad bin Syed Mohamed, *Prosedur Fatwa Di Singapura*, kertas kerja Majlis Muzakarah Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali Ke 2, Pulau Pinang, Malaysia, 1997, hlm 12.

¹⁵³ *Akta Pentadbiran Hukum Islam, Penggal 3, Semakan 1985*, seksyen 31 (2). Sekarang ini perlantikan tersebut adalah unntuk tempoh tiga tahun. Sila lihat Syed Ahmad bin Syed Mohamed, *Prosedur Fatwa Di Singapura*, hlm 13.

¹⁵⁴ *Ibid*, seksyen 32 (1).

¹⁵⁵ *Ibid*, seksyen 32 (2) & (3).

¹⁵⁶ *Ibid*, seksyen 32 (4).

¹⁵⁷ Syed Ahmad bin Syed Mohamed, *Op. Cit*, hal 13-14

¹⁵⁸ *Ibid*, seksyen 33 (1).

¹⁵⁹ *Ibid*, seksyen 33 (2).

¹⁶⁰ *Ibid*, seksyen 31 (4).

¹⁶¹ Buku fatwa ini diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura dan ditaipset oleh Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura. Cetakan pertamanya ialah pada bulan Muharram 1408H bersamaan bulan Ogos 1987.

¹⁶² Fatwa berkenaan boleh dirujuk melalui home page MUIS: WWW.MUIS.GOV.SG. melalui indeks Dakwah. Majalah Warita ialah majalah terbitan MUIS dan dikeluarkan dua bulan sekali. Ia mengandungi informasi semasa, agama dan pendidikan dan diedarkan secara percuma.

¹⁶³ Maklumat yang dimuatkan dalam kajian ini adalah hasil dari temubual penulis dengan Syaikh al-Islam Thailand dan Pegawai Pentadbir di pejabat berkenaan. Penulis telah cuba mendapatkan maklumat bertulis mengenai Majlis Syaikh al-Islam Thailand tetapi pihak berkenaan tidak mempunyai terbitan atau catatan yang tersusun mengenainya.